

Rasalah degup jantung rakyat, bacalah

NADI INSAN

DISEMBER 1982

KDN 0167/82 ISSN 0126-9369

50 SEN SAJA

44

BETA AKAN HIDUPKAN
SEMULA ZAMAN
KEGEMILANGAN SISTEM
RAJA BRUNEI

TAKHTA

SHELL

DEMOKRASI
TAK SESUAI
UNTUK
MASYARAKAT
BRUNEI... DAN
KEPENTINGAN
KAMI

BRITAIN

... DAN KAMI!

MACAM IRAN
DI BAWAH SHAH


SINGAPURA

DARI PENJAJAHAN KE
FEUDALISMA MODEN

BRUNEI: KEMERDEKAAN TANPA MAKNA

- Orang Tua Terus Diabaikan
- Undang-Undang Melanggar Keadilan
- Soviet Terus Menakluki Afghanistan
- Pindaan Akta Pertubuhan Mengecewakan
- Sebalik Peristiwa Thean Teik
- Film Review: Conan, Poltergeist, E.T.

Ucapan:
A.M. Azahari



KEMAJUAN UNTUK SIAPA?

Sebalik Kematian di Estet Thean Teik

Estet Thean Teik terletak di atas 142 hektar tanah. Tanah ini dimiliki oleh pemegang-pemegang amanah Kongsi Leong San Tong Kho, sebuah persatuan sekuturunan orang Cina yang ditubuhkan pada tahun 1934.

Selama beberapa dekad, tanah ini disewakan oleh kaum pekebun dan penternak kecil. Sekarang, terdapat 520 keluarga yang mendudukinya, iaitu 380 keluarga Cina, 80 keluarga Melayu dan 60 keluarga India. Jumlah penduduk di estet ini adalah 12,000 orang.

Sejak bulan Januari lalu, penduduk-penduduk Thean Teik terlibat dalam satu sengketa dengan syarikat Perumahan Farlim, bersatu untuk membangunkan kawasan itu secara usahamasa untuk dijadikan kawasan perumahan. Rancangan adalah untuk membina lebih kurang 2,000 unit rumah dan kedai.

lang untuk mengubah hutan-rimba kepada tanah pertanian yang berguna. Mereka telah menduduki tanah ini selama 70 tahun.

Pada April 1978, Kongsi Khoo dan Golden Stellar Development, sebuah syarikat yang kini dikenal sebagai Perumahan Farlim, bersatu untuk membangunkan kawasan itu secara usahamasa untuk dijadikan kawasan perumahan. Rancangan adalah untuk membina lebih kurang 2,000 unit rumah dan kedai.

Estet Thean Teik kini amatlah penting untuk ekonomi Pulau Pinang. Lebih kurang 150 ekar adalah kebun, yang menjadi sumber utama sayur bagi bandar Pulau Pinang.

Thean Teik membekalkan lebih kurang 12,000 kati sayur-sayuran sehari, seperti kangkong, coi sum, terung dan buah-buahan seperti pisang dan belimbing besi. Para pekebun juga membekalkan daging, telor dan susu.

Tanah Pertanian Berkurangan

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini, tanah-tanah pertanian di Pulau Pinang telah lenyap, kononnya untuk pembangunan. Tanah pertanian yang luas telah dijadikan kawasan perdangangan bebas, estet perumahan dan tambahan pada lapangan terbang.

Lebih kurang 73 ekar tanah kebun buah-buahan yang subur di kampung Pondok Upeh di Balik Pulau telah diambil oleh kerajaan untuk membina jalan-raya Balik Pulau-Relau dan beberapa ekar tanah lagi telah musnah pada masa pembinaan jalan raya tersebut.

Tanah pertanian yang subur di Sungai Dua telah diambil untuk meluaskan Universiti Sains Malaysia. Sebuah bukit di Bukit Gambiar telah diubah tarafnya dari kawasan pertanian kepada kawasan perumahan.

Lebih dari 10 ekar tanah sayur-sayuran di Batu Lancang telah diambil oleh kerajaan dari pekebun-pekebun pada tahun 1981 untuk membina rumah pangsa. Sejak tahun 1974, terdapat bukti-bukt yang menunjukkan bahawa tanah-tanah pertanian untuk makanan terus merosot.

Menurut angka-angka Jabatan Pertanian Pulau Pinang, jumlah yang ditanam dengan sayur dan buah di seluruh negeri telah jatuh 8% dari 2,027 ekar pada 1977 kepada 1,858 ekar pada 1981.

Selain dari kehilangan nafkah kaum pekebun, orang ramai juga menghadapi kesulitan kerana kekurangan bahan-bahan makanan serta kenaikan harganya.

Impot Makanan

Perbelanjaan impot untuk bahan makanan juga melambung kepada \$2,941 juta pada tahun 1981, lebih 50% dari \$1,979 juta pada tahun 1978.

Perbelanjaan impot sayur-sayuran dan buah-buahan telah meningkat dari \$225 juta pada tahun 1978 kepada \$406 juta pada tahun 1981.

Masalah Thean Teik

Masalah estet Thean Teik merupakan satu sengketa di mana di satu pihak, tuan-punya tanah dan syarikat pemaju, cuba memajukan tanah kepunyaan mereka, dan di pihak lain, para penduduk yang tiada pilihan lain kecuali mempertahankan mata pencarian mereka sejak beberapa jenara dulu.

Sebaliknya, pihak berkuasa dan akbar telah menganggap masalah Thean Teik sebagai satu sengketa persendirian antara tuan tanah, syarikat pemaju dan para penduduk.

Akan tetapi, pandangan ini terlalu sempit. Selain dari kehilangan tempat kediaman dan mata pencarian 12,000 orang. Estet Thean Teik juga merupakan sumber hasil pertanian yang agak besar untuk keperluan penduduk Pulau Pinang.

Thean Teik tidak merupakan satu masalah yang terpisih. Di negara kita, terdapat berpuluhan kisah seperti Thean Teik yang tidak diumumkan.


Ramai petani dan setinggan telah dipindahkan berkali-kali dengan cara paksa untuk pembinaan jalan raya, kilang-kilang dan estet perumahan.

Negara kita yang mempunyai tanah yang luas kini tidak berupaya menghasilkan cukup makanan kepada rakyatnya tanpa bergantung kepada impot-impot makanan.

Apa yang telah berlaku di Thean Teik melambangkan kesulitan sektor pembekalan makanan dan menimbulkan banyak soalan tentang dasar pengeluaran makanan kita.

Sejarah Thean Teik

Menurut cerita, jenerasi pertama penduduk Thean Teik telah dipelawa oleh tuan punya tanah, Kongsi Khoo untuk bertani di tanah tersebut. Mereka telah membanting tu-



Para Pekebun Sungai Dua Disingkir

Pindaan Akta

Pertubuhan

Lebih Buruk



Anwar Ibrahim.

Penduduk Thean

Teik Diugut

Pengerusi Perusahaan Farlim, Tunku Farid bin Tunku Hussain telah mengancam akan menarik balik tawaran ganti rugi kepada para penduduk.

Justeru itu, ganti rugi dibayar oleh kerajaan undang-undang, bukan kerana kemurahan hati Farlim. Kenyataan Tunku Farid adalah difahami oleh kami sebagai satu percubaan menakutkan serta memaksakan para penduduk menerima syarat-syarat Farlim," tambahnya.

"Sejauh pengetahuan kami,

kedudukan undang-undang adalah jelas bahawa syarikat ini mestilah membayar ganti rugi kepada para penduduk. Soal gantirugi bukanlah berdasarkan perikemanusiaan."

Penasihat undang-undang penduduk-penduduk Estet Thean Teik, Encik Tang Kye Kian mensifatkannya sebagai satu ugutan terhadap para penduduk serta menunjukkan kepalsuan syarikat pemaju itu.

PETA MUKIM 13, SUNGEI DUA, PULAU PINANG

jika universiti mengambil alih tanah yang berhampiran yang lebih mudah diguna dan dimajukan?" bertanya seorang pekebun.

Menurut kerajaan negeri, pengambilan tanah tersebut adalah untuk kawasan kediaman, rekreasi dan perniagaan.

Sebenarnya, kawasan yang pada mulanya sebesar 300 ekar telah dikurangkan kepada 250 ekar. Kebanyakannya 50 ekar yang dibebaskan dari pemilikan itu adalah kepunyaan seorang akitek yang juga seorang saudagar kaya tempatan.

Tanah yang dibebaskan mengandungi 10 lot yang datar dan terbiasa diluar "garisan bukit", 7 antara 10 lot adalah dimiliki oleh akitek tersebut serta beberapa individu lain. Akitek inilah pemilik majoriti.

Penyiasatan mendedahkan bahawa akitek ini melalui syarikatnya, Diamond Peak Sdn. Bhd., telah membeli lebih dari 5 ekar tanah di Sungai Dua pada waktu tanah itu telah dibekukan di bawah Seksyen 4. Maka tanah ini tidak terlibat dalam Seksyen 8 Akta Pembelian Tanah, Jun 1976.

Para pekebun tidak mampu membeli tanah lain di Pulau Pinang yang berkurangan tanah. Apa yang mereka perlu ialah tanah sebagai ganti-rugi. Akan tetapi dalam pengambilan paksa di Sungai Dua, kerajaan negeri berjanji akan membayar sebanyak \$50,000 seekar, tetapi ini adalah di bawah paras harga sebenar, iaitu \$7 bagi satu kaki persegi.

Apabila kerajaan memiliki 87 ekar tanah dekat Kampung Sungai Dua beberapa tahun lalu untuk USM juga, ia memperuntukkan 9 ekar untuk perkampungan bagi 90 orang setinggan. Namun namaknya kerajaan tidak memikirkan begitu lagi untuk para pekebun di Sungai Dua.

Pekebun sayur-sayuran di Sungai Dua, Pulau Pinang membantah dengan keras kerasnya rampasan lebih kurang 250 ekar tanah mereka oleh kerajaan untuk meluaskan kampus Universiti Sains Malaysia. Mereka akan kehilangan mata pencarian yang mereka telah menikmati selama 50 tahun ini.

Mereka mempersoalkan pilihan tanah tersebut yang berbukit-bukau dan lebih kurang sebatu dari USM. Tanah tersebut adalah amat berguna untuk pertanian, manakala terdapat sebidang tanah terbiasa ditepi USM yang rata dan lebih sesuai untuk universiti.

"Kami tidak mahu menghalangi kemajuan USM, namun tidakkah lebih lojik

satuhan, tetapi sekatan dahulu ke atas persatuan politik kini dikenakan kepada semua persatuan.

Satu syarat baru pula ditambah yang melarang semua persatuan menerima bantuan asing kecuali dengan kebenaran pihak pendaftar atau menteri berkenaan.

Pindaan itu juga membolehkan seorang pegawai mewakili pihak pendaftar memasuki serta memeriksa perkarangan persatuan-persatuan, sedangkan sebelumnya pendaftar atau penolongnya sahaja yang mempunyai kuasa ini.

Sdr. Kamaruddin telah menambah bahawa cadangan-cadangan baru ini akan menyekat lagi kegiatan-kegiatan persatuan yang menerima bantuan asing. Mengikutnya, langkah itu adalah menasabah untuk pertubuhan politik, tetapi bukan untuk pertubuhan lain.

Sdr. Kamaruddin juga mengatakan bahawa persatuan-persatuan masih dinasikan hak untuk merayu di mahkamah terhadap keputusan Pendaftar atau Menteri. Selain itu, persatuan-persatuan masih dilarang mengadakan perhubungan dengan badan-badan asing.

Presiden Persatuan Perlindungan Alam Sekitar Malaysia, Encik Gurmit Singh mengatakan bahawa cadangan-cadangan baru hanya berfaedah kepada golongan bukan warganegara sahaja. Sebelumnya, orang asing tidak boleh menjadi anggota persatuan-persatuan yang digelar politik, tetapi syarat ini telah dibatalkan.

Pendaftar Persatuan, yang mengandungi lebih dari 19 buah persatuan, telah menentang dengan sekeras-kerasnya pindaan kepada Akta Pertubuhan semasa ia digubal pada 1981.

Persatuan Persatuan, yang mengandungi lebih dari 19 buah persatuan, telah menentang dengan sekeras-kerasnya pindaan kepada Akta Pertubuhan semasa ia digubal pada 1981.

Urusetia itu telah diberitahu pada awal tahun ini bahawa kerajaan akan menyemak semula pindaan terhadap Akta tersebut, khasnya bahagian-bahagian yang membangkitkan keresahan.

Sdr. Kamaruddin, yang juga seorang Naib-Presiden ABIM, mengatakan bahawa antara 5 perkara pokok yang disentuh dalam memorandum mereka, hanya satu telah dirombak. Ini adalah pindaan mengenai gelaran pertubuhan politik dan pertubuhan persatuan.

Di bawah pindaan terbaru, tidak terdapat lagi perbezaan ini di antara persatuan-persatuan

Perancangan dan Pembangunan Yang Tidak Adil

Sanusi Osman

Kita telah selesai merayakan suku abad kemerdekaan negara secara besar-besaran. Kita juga telah selesai melaksanakan Rancangan Lima Tahun Malaysia yang Pertama, Kedua dan Ketiga. Pada masa ini Rancangan Malaysia Keempat sedang dilaksanakan. Semua Rancangan Malaysia ini bertujuan untuk memperbaiki kehidupan rakyat, menambah pendapatan dan pengeluaran mereka, merapatkan jurang di antara yang berada dan tidak berada serta menghapuskan kemiskinan melalui pembangunan.

Walaupun negara kita sedang mengalami pembangunan yang pesat dan setengah rakyat menikmati kemajuan hasil dari projek-projek kerajaan, tetapi masih terdapat sebagian rakyat yang tidak merasai apa-apa perubahan dalam kehidupan mereka. Siapa saja yang sampai ke Hulu Tembeling akan merasa sedih melihat keadaan terbiar di kawasan itu dan bertanya diri sendiri mengapa tiada rancangan pembangunan yang sampai ke situ?

Penduduk di kawasan ini berjumlah lebih kurang 3,000 orang yang sebahagian besar nya terdiri daripada orang Melayu dan sedikit bilangan Orang Asli. Kebanyakan penduduk di sini miskin dan bergantung hidup mereka kepada kegiatan pertanian seculup hidup. Usaha-usaha pertanian mereka adalah tertumpu kepada menoreh getah, menanam padi huma, berladang, berternak binatang seperti ayam, itik, kambing, lembu dan kerbau. Golongan muda biasanya mencari rezeki di dalam hutan dengan mencari gaharu, candan, rotan dan akar kayu.

Seluruh kawasan Hulu Tembeling ini masih tidak terjejas dengan pembangunan. Tidak ada jalanraya yang menghubungkan tempat ini

dengan kawasan-kawasan di sekitarnya kecuali Sungai Tembeling. Selain dari itu dalam kawasan itu sendiri tidak terdapat sebatang jalan yang bertar atau tanah merah yang dibina sebagai jalanraya. Jalan-jalan yang digunakan sekarang adalah lorong-lorong jalan kaki yang sedia ujud sejak berpuluhan tahun dahulu. Lorong-lorong yang bengkang bengkok dan berlopak ini akan berlumpur ketika hujan. Keadaan yang begini buruk menyebabkan orang-orang di sini tidak boleh menggunakan basikal kecuali berjalan kaki untuk kesana kemari di kawasan itu.

Kemudahan - kemudahan asas seperti air paip dan api elektrik jauh sama sekali. Mereka yang mampu dapat mengadakan generater untuk api elektrik dan pam air. Kebanyakannya petani-petani miskin di situ menggunakan air dari Sungai Tembeling itu untuk mandi, membasuh pakaian, minuman, tempat menangkap ikan dan membuat najis. Keadaan terbiar demikian amat mengharukan.

Kawasan Ulu Tembeling ini mempunyai 24 buah kampung yang mengusahakan berbagai macam pertanian. Sayangnya hasil pertanian mereka seperti kelapa, getah dan buah-buahan yang begitu banyak tidak mempunyai harga di sana. Oleh sebab tambang bot terlalu tinggi untuk membawa barang-barang ini ke Kuala Tembeling yang sejauh 60 batu itu, hasil tanam mereka ini tidak memberi pendapatan yang baik kepada mereka. Keadaan demikian secara tidak langsung tidak menggalakkan mereka untuk berusaha lebih giat lagi dibidang pertanian.

Sebaliknya pula barang-barang keperluan lain yang terpaksa dibeli seperti gula, susu, kopi, tepung, minyak, pakaian dan sebagainya adalah jauh lebih mahal daripada harga di tempat-tempat

lain kerana belanja pengangkutan yang tinggi. Oleh kerana tidak ada pilihan mereka terpaksa membelinya walau bagaimana mahal sekalipun.

Nampaknya agensi-agensi kerajaan seperti RISDA, MARDEC, FAMA dan MAJUTERNAK tidak memberi perhatian kepada kebijakan penduduk dikawasan ini. Masalah pemasaran hasil petani-petani di kawasan ini tidak diatasi dan tidak ada usaha-usaha yang konkret untuk mempertingkatkan pengeluaran dan pendapatan petani-petani di sini. Selain dari itu oleh kerana tidak ada pejabat pertanian atau wakil RISDA, MARDEC dan sebagainya di sini, petani-petani yang memerlukan nasihat atau bantuan terpaksa pergi ke Kuala Tembeling atau Jerantut. Ini memakan masa dan memerlukan belanja yang banyak. Sebaik-baiknya agensi-agensi tersebut mengadakan wakilnya atau pejabatnya di kawasan ini untuk memberi perkhidmatan yang lebih berkesan.

Kemudahan pelajaran yang ujud di kawasan ini juga amat tidak memuaskan. Kelima-lima buah sekolah rendah yang terdapat di Kampung Pagi, Kampung Kuala Sat, Kampung Bantal, Kampung Mat Darling dan Kampung Gusai mempunyai serba kukurangan. Bangunan sekolahnya kecil, tidak cukup peralatan, tidak ada perpustakaan, kekurangan guru dan tidak cukup guru yang terlatih. Ini semuanya merupakan halangan besar kepada murid-murid di kawasan ini untuk mencapai kejayaan dibidang pelajaran setanding dengan teman-teman mereka yang bersekolah di kawasan bandar.

Sungguhpun begitu saya merasa kagum mendengar bahawa ada beberapa orang murid di kawasan ini yang berjaya sampai ke peringkat universiti. Selain dari itu ter-

dapat juga beberapa orang orang sedang melanjutkan pelajaran di peringkat menengah dan maktab perguruan. Ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar di kawasan ini akan lebih berjaya lagi di bidang pelajaran sekiranya kemudahan persekolahan dan pelajaran yang lebih baik disediakan kepada mereka.

Penduduk-penduduk di sini kebanyakannya merasa kecewa kerana rancangan pembangunan yang dijanjikan setiap kali pilihanraya tidak juga tiba. Mereka sendiri tidak faham kenapa kawasan ini dibiar begitu dan kepentingan mereka dilupakan. Apa yang mereka perlukan bukan pembangunan yang hebat dan pesat seperti yang berlaku di Kuala Lumpur atau Pulau Pinang; tetapi memadai dengan pembangunan infrastruktur yang menyediakan kemudahan asas untuk keperluan hidup keluarga mereka.

Dizaman penjajah dahulu infrastruktur seperti jalanraya dibina dengan memperhitungkan keuntungan yang akan didapat daripadanya. Tetapi perhitungan kita mestilah berbeza iaitu lebih mengutamakan kesejahteraan dan kepentingan rakyat daripada perhitungan keuntungan. Oleh itu pembinaan jalanraya yang menghubungkan kawasan ini dengan tempat-tempat disekitaranya amatlah penting untuk pembangunan kawasan ini.

Apa yang memerlukan mereka sekarang ialah ura-ura pembinaan hidro-elektrik di Sungai Tembeling. Kiranya rancangan ini dilaksanakan semua penduduk di sini akan dipindah ketempat lain. Rancangan tersebut sudah pasti ditentang oleh hampir seluruh penduduk di sini. Rancangan ini bukan saja akan menghilangkan Kampung halaman mereka tetapi juga mereka sendiri akan kehilangan mata pencarian dan cara hidup yang diwarisi sejak beberapa generasi. Penentangan mereka telah disampaikan melalui berbagai suruhan. Mereka berharap supaya pemimpin-pemimpin mereka tidak akan mengecewakan mereka. Disamping itu mereka juga bersembahyang hajat supaya rancangan ini tidak akan dilaksanakan. Kiranya hajat mereka dimakbulkan Tuhan, mereka akan merayakkannya selama tujuh hari tujuh malam dengan memotong tujuh ekor kerbau di kawasan itu. Kita juga berdoa semoga doa mereka akan diberkati Tuhan!

Malaria Muncul Semula: Racun Tidak Berkesan lagi

Penyakit malaria sedang muncul semula di banyak negara dan kerajaan harus mengambil langkah penting sebelum ia menjadi lebih rumit, menurut presiden Persatuan Pengguna-pengguna Pulau Pinang, Encik S.M. Mohd. Idris.

Dalam 15 tahun kebelakangan ini, nyamuk Anopheles yang membawa malaria telah menjadi kebal kepada racun DDT, BHC, Dieldrin dan lain-lain yang digunakan apabila rancangan pembasian malaria dilancarkan di negara ini.

pada tahun 1967, tambahan.

Kajian di beberapa negara telah menunjukkan bahawa 15 tahun selepas penyemburan racun-racun tersebut, nyamuk Anopheles menjadi kebal dan penyakit malaria pun bertambah.

Menurut Encik Idris, kesesamaan malaria boleh bertambah oleh kerana banyak kolam dan sawah padi di negara kita tercemar. "Pencemaran pula telah membunuh banyak jenis ikan yang pernah makan jentek-jentek nyamuk," katanya.

Pemulihan

Datuk Harun

Meskipun Datuk Harun Idris tidak atau belum lagi memegang sebarang jawatan kerajaan, pengaruh politik beliau masih amat berkesan.

Ramai ahli UMNO masih setia kepadanya dan ini memberi kuasa undi yang penting kepada Datuk Harun dalam pemilihan tokoh-tokoh kerajaan.

Umpamanya, dalam persaingan yang hebat antara Tengku Razaleigh dan Datuk Musa Hitam untuk jawatan Timbalan-Presiden UMNO dalam tahun 1981, Datuk Harun dikatakan telah memberi sokongan kepada Datuk Musa. Kedudukan ini yang biasanya digelar king-maker tidak harus di perkecilkkan oleh kawan dan lawan.

Jika ramalan tadi menjadi kenyataan, Datuk Harun mengambil setakap lagi ke posisi pimpinan negara. Dr. Tan Chee Khoon pernah meramal beliau akan dilantik ke dalam kabinet Dr. Mahathir tidak lama lagi.

Namun begitu, rakan-rakan Datuk Harun berkata bahawa beliau enggan bergiat semula dalam kerajaan seperti apa yang dipercayai oleh setengah golongan.

Sebaliknya, dikatakan beliau akan diberi jawatan setiausaha agong UMNO yang kini dipegang oleh Datuk Mustaffa Jabbar. Akan tetapi, beliau tidak menyatakan minatnya selain daripada kenyataan bahawa semuanya terpulang kepada Dr. Mahathir.

Persaingan UMNO—PAS Berterusan



Perhimpunan PAS.

PAS akhirnya telah menghapuskan saki-baki imej sekularnya dan menyingsingkan Datuk Asri yang telah memimpin selama II tahun. Dengan ini, PAS berharap agar dapat menebus kekalahan dalam pilihanraya lalu.

Mukhtamar ke-28 PAS baru-baru ini telah berlangsung di bawah satu gambar besar Ayatollah Khomeini. Satu usul penting meletakkan majlis tertinggi parti di bawah arahan Majlis Ulamak, yang sebelumnya hanya Dewan Ulamak.

Di samping itu, kuasa Yang di Pertua juga telah dikurangkan.

Kekalahan Asri di tangan golongan muda diikuti dengan perubahan penting dalam arah parti pada masa depan. UMNO sedang mengambil beberapa langkah untuk memburukkan imej PAS semasa berkempen dalam kubu-kubu PAS di Kelantan.

Satu langkah lagi ialah jemputan kepada Asri untuk memasuki UMNO, tetapi setakat ini, beliau menyambutkannya secara dingin. Penolong-penolongnya mengingatkan bahawa bekas pemimpin PAS Datuk Mohammad Nasir yang menyertai kerajaan hanya diberi satu peranan tanpa kuasa sebenar yang simbolik sahaja.

Dasar Islam Kerajaan

Kerajaan

Kerajaan telah mengambil

beberapa langkah untuk menghadapi cabaran dari golongan fundamentalis Islam.

Umpamanya, mulai tahun depan,

semua universiti dan maktab

tempatan akan diwajibkan

mengajar kurikulum kebudayaan Islam.

Timbalan Menteri dalam

Jabatan Perdana Menteri


Encik Anwar Ibrahim

memberitahu satu sidang ulamak

bahawa langkah baru ini meru-

orang-orang Islam di kampung-kampung bahawa sistem yang digunakan di Iran tidaklah sesuai untuk masyarakat berbilang kaum, seperti Malaysia.

UMNO menunjukkan bank Islam dan universiti Islam sebagai simbol-simbol keazaman untuk bergerak ke arah Islam. Namun, adalah terlalu awal untuk memastikan jika usaha-usaha begini boleh menghindar aliran yang menguasai pimpinan PAS baru-baru ini.



Kelas agama

Belanjawan 1983: Rakyat Dipaksa Berjimat

Sejak pertengahan tahun 1981, terdapat tanda-tanda yang jelas bahawa kemelesetan ekonomi dunia sudah sampai ke tanah air kita. Akan tetapi, Menteri Kewangan Tengku Razaleigh tidak begitu bimbang semasa menyediakan belanjawan untuk 1982.

Beliau telah membentangkan satu belanjawan yang boros sebanyak \$32 billion, iaitu \$17 billion untuk pentadbiran dan \$14 billion untuk pembangunan. Ini adalah satu rekod baru.

Menteri itu telah menghadiahkan berbagai subsidi, mengurangkan banyak cukai ke atas barang-barang mewah serta menghapuskan beberapa cukai lain.

Pada bulan April lalu, Barisan Nasional berjaya, dengan satu kemenangan besar, dalam pilihanraya umum. Namun, dua bulan kemudian, menteri tersebut terpaksa mengakui kebenaran yang pahit, iaitu negara sedang menghadapi kesulitan kewangan yang serius.

Pada bulan Jun tahun ini, kerajaan melancarkan satu kempen berjimat dan mengarahkan potongan dalam perbelanjaan pentadbiran dan pembangunan. Potongan untuk tahun ini adalah dari \$32 billion kepada \$29 billion.

Menyatakan bahawa ekonomi akan bermula pada tahun depan. Namun begitu, jika kita mengkaji belanjawan negara untuk

tahun depan, kita tidak dapat mengelakkan kesimpulan bahawa pendapatan tahun 1983 adalah berdasarkan pada harapan bahawa pemuliharaan ekonomi akan berlaku pada lewat tahun depan!

Setiap tahun semenjak beberapa tahun dulu, Perbadanan telah mengharapkan ekonomi akan sembuh pada tahun akan datang. Antara ramalan-ramalan yang tersilap ialah:

1. Pada tahun lalu, pihak Perbadanan meramalkan bahawa Keluaran Negara Kasar akan tambah 7.2% pada tahun 1982. Akan tetapi, angkanya mungkin tidak melebihi 3.9%.

2. Kekurangan perbelanjaan bagi tahun 1981 dianggar lebih kurang \$8 billion. Akan tetapi, ia telah mencapai \$11 billion kerana kekurangan pendapatan dari ekspot dan perbelanjaan yang lebih tinggi.

3. Perbadanan meramalkan bahawa harga getah akan meningkat ke hampir \$3 sekilo pada tahun 1982. Kita akan bernasib baik kalau harga purata kekal di paras \$2 sekilo.

4; Laporan Ekonomi menyatakan bahawa ekonomi akan beransur-ansur pulih pada tahun 1982. Akan tetapi, tiada seorang ahli ekonomi yang terkenal dan berpengalaman yang pasti bila ekonomi akan sembuh, dan sudah nyata bukan pada 1982.

Kerajaan Barisan Nasional selalu mengenakan cukai tidak

langsung seperti cukai penjualan, yang dipikul sama-sama oleh orang kaya dan miskin, dan enggan sekali menambahkan cukai-cukai langsung, misalnya cukai pendapatan individu dan cukai pendapatan syarikat, yang ditanggung oleh mereka yang kaya sahaja. Kini sekaligus kerajaan telah menambahkan cukai penjualan sebanyak 100%, dari 5% kepada 10%, kecuali beberapa barang keperluan sahaja.

Cukai ini akan memberi kesan buruk kepada rakyat miskin sebab ia pasti akan menambahkan inflasi. Golongan peniaga, sama ada besar atau kecil, akan meningkatkan harga-harga lebih dari 10%, dan selanjutnya, harga kebanyakan barang akan naik.

Beban hutang awam kita adalah sebahagian dari perbelanjaan pentadbiran. Kini ia mencapai 23% dibanding dengan 13% dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga (1976-80).

Ini bererti 23 sen dari setiap ringgit perbelanjaan pentadbiran adalah untuk pembayaran yang timbul dari hutang. Hutang kerajaan berjumlah \$40.12 billion pada tahun 1982, di mana lebih kurang \$2,795 juta harus dibayar. Ini adalah satu beban yang akan terus meningkat.

Ekonomi Meleset, Tetapi Banyak Syarikat Besar Masih Beruntung

Beberapa syarikat tempatan yang terbesar sedang mengaut untuk besar meskipun ekonomi negara sedang meleset teruk. Mereka terdiri dari bank-bank tempatan dan syarikat induk yang bergiat dalam banyak bidang. Pada amnya industri perlombongan dan perladangan menghadapi kesulitan, akan tetapi industri pembinaan dan kewangan masih maju lagi.

Sebuah syarikat perladaan seperti Sime Darby dapat mempertahankan keuntungannya oleh kerana strategi mempelbagaikan yang diambil beberapa tahun dahulu. Ekoran darinya, hasil perladaan yang merupakan 60% daripada pendapatan pada tahun 1978/79 dapat di kurangkan setakat 45% tahun lepas.

Langkah mempelbagaikan

juga telah menolong sebuah syarikat perlombongan, Kumpulan Perangsang, meningkatkan keuntungannya sebanyak 62% bagi tahun 1981, di mana 40% datang dari sektor pembinaan dan perhotelan. Seterusnya Malaysia Mining Corporation beruntung sebanyak 51% lebih dari pada tahun 1980.

Maka jelaslah bahawa syarikat-syarikat yang terlepas dari kesan buruk kemelesetan ekonomi telah mengambil langkah persediaan dari awal-awal lagi, khasnya mempelbagaikan penghasilan. Bagaimanapun sebuah syarikat besi waja berjaya mengurangkan kadar kerugiannya lebih sukar. "Hingga sekarang kita masih tidak tahu berapa banyak tenaga elektrik diperlukan serta samada aerobus akan melakukan pencemaran atau tidak," bertanya Encik Gurmit.

Sistem Aerobus Diragui

Jawatankuasa Maklum Balas Pelan Induk Kuala Lumpur telah mendengar hujah-hujah kenapa sistem aerobus dan sistem kereta api ringan untuk mengatasi masalah pengangkutan awam di ibukota adalah tidak sesuai.

Presiden Persatuan Alam Sekitar Malaysia, Encik Gurmit Singh berkata bahawa sistem aerobus tidak tentunya akan mengatasi masalah pengangkutan awam kerana teknologinya belum diuji sepenuhnya dan hingga kini hanya sebuah pesta perdagangan dalam satu kawasan kecil di Jerman Barat menggunakan sistem ini.

Pihak berkuasa juga tidak dapat memberi butir-butir tentang aerobus kepada orang ramai dan ini menyebabkan penilaianya lebih sukar. "Hingga sekarang kita masih tidak tahu berapa banyak tenaga elektrik diperlukan serta samada aerobus akan melakukan pencemaran atau tidak," bertanya Encik Gurmit.

Negara Pengeluar Getah Berpecah

Pertubuhan Getah Asli Antarabangsa (INRO) telah bersidang di Kuala Lumpur bulan lalu pada ketika perhubungan antara negara-negara pengim-pot dan pengekspot getah asli berada dalam keadaan yang paling buruk sejak ia ditubuhkan 2 tahun lalu.

Malaysia, khabarnya, sangat tidak puas hati dengan keputusan INRO untuk menangguhkan pembelian stok penimbangnya selagi satu paras minima yang baru belum dipersejui.

Justeru itu, Persatuan Negara-Negara Pengeluar Getah Asli (ANRPC) memutus akan bertindak-balas terhadap tekanan negara-negara pengim-pot dengan cara menafikan bekalan sebanyak 350,000 tan getah selama 6 bulan. Potongan Malaysia adalah lebih kurang 175,000 tan.

Seterusnya, beberapa negara pengguna mendakwa bahawa ini bertentangan dengan perjanjian INRO. Negara-negara ini menyeru anggota-anggotanya ANRPC supaya menjaminkan kekal getah asli yang mencukupi, membentukkan satu sistem bekalan yang kekal dan cekap dan "meluaskan perdagangan antarabangsa".

Indonesia dan Negeri Thai tidak setuju dengan pemotongan yang dicadangkan oleh ANRPC. Para menteri berkaitan dari Malaysia, Indonesia dan Negeri Thai kemudian mengurangkan jumlah potongan dari 350,000 tan ke 250,000 tan. Pemerhati-pemerhati mengatakan bahawa ini adalah satu syarat dari pihak Thai dan Indonesia.

Malaysia akan memotong pengeluarannya sebanyak 129,000 tan. Potongan ter-

sebut dikuatkuasakan dalam tempoh 6 bulan mulai 1hb Oktober, tetapi hanya Malaysia sahaja yang telah menandangkan satu rancangan yang konkret setakat ini.

Kebanyakan pemerhati memikirkan bahawa Indonesia dan Negeri Thai keberatan kerjasama oleh kerana 2 faktor utama. Pertama, dasar rasmi di Bangkok dan Jakarta ialah menambahkan pengeluaran getah — dan bukan mengurangkan — demi dasar mempelbagaikan ekonomi.

Kedua, kerajaan di kedua-dua negara itu tidak mempunyai banyak kuasa bagi mengawal pekebun-pekebun kecil yang menguasai perusahaan getah. Di Malaysia, para pekebun merupakan 75% di jumlah pengeluaran getah; di Indonesia 80% dan di Negeri Thai 95%.

Kemerosotan Pengeluaran Getah Asli

(ribu tan)	1979	1980	1981	1981 (Jan-Apr.)	1982 (Jan-Apr.)
Malaysia	1,570	1,552	1,529	475	465
Dunia	3,860	3,830	3,665	1,180	1,140

Cukai: Punca Inflasi?

Cukai impot atau tarif ke atas kemasukan barang-barang dari luar negeri adalah untuk perlindungan tempatan adalah sebanyak 25% pada tahun 1962, dan telah meningkat kepada 50% pada 1966, 65% pada 1969 dan akhirnya 70% pada 1972.

Akibatnya, orang ramai terpaksa membeli barang tempatan yang lebih mahal dan kadangkala juga bermutu rendah.

Satu kajian menunjukkan kadar perlindungan barang-barang tempatan adalah sebanyak 25% pada tahun 1962, dan telah meningkat kepada 50% pada 1966, 65% pada 1969 dan akhirnya 70% pada 1972.

Ini bererti bahawa perusahaan pembuatan telah menerima untung lebih sebanyak

70% pada tahun 1972 berbanding dengan keadaan tanpa sebarang tarif.

Keuntungan itu berupa subsidi dari orang ramai kepada syarikat-syarikat pembuat yang kebanyakannya syarikat asing yang sebenarnya tidak memerlukan tarif.

Masa Depan Perlombongan Bijih Timah Gelap

Persatuan Alam Sekitar Malaysia berpendapat bahawa perombakan kepada perkhidmatan bas adalah langkah penting untuk menyelesaikan masalah pengangkutan ibu kota, bukan membina sesuatu yang belum lagi dibuktikan di dunia.

Pihak berkuasa juga tidak memberi butir-butir tentang penumpang, tambang dan kesesuaian yang akan di lalui.

Sementara itu Institute Kejuruteraan Malaysia (IEM) mengingatkan perancang-perancang bandaraya bahawa sistem transit kereta api ringan nampaknya terlalu mahal.

Projek begini hanya akan menjimatkan jika bilangan penduduknya ramai serta padat.

Bagaimanapun keadaan ini tidak terdapat di Kuala Lumpur kerana purata kapadatan penduduk Kuala Lumpur ialah 11,000 orang bagi satu batu persegi dibandingkan dengan Hong Kong iaitu 88,000 orang bagi satu batu persegi.

Namun begini sistem kereta api di Hong Kong menghadapi kerugian. Tambahan pula pemilik kereta di Kuala Lumpur adalah tinggi: 34% dari jumlah isi rumah memiliki satu atau lebih buah kereta sedangkan di Hong Kong angkanya hanya 18%.

Menurut Laporan Ekonomi 1982/83, jumlah lombong timah yang masih dibuka telah jatuh dari 742 pada Julai 1981 ke 704 setahun kemudian.

Antara sebab-sebab sebaliknya ialah "sumber yang kian berkurangan, langkah-langkah tegas yang menjaminkan keselamatan pekerja, kos pengeluaran yang meninggi dan harga rendah di pasaran."

Kos pengeluaran lombong kerikil meningkat dari \$28.24 sekilo pada 1976 ke \$33.84 sekilo pada 1982. Pada tempoh yang sama, kos pengeluaran di lombong kapal korek telah naik dari \$20.98 sekilo ke \$26.

Memandangkan bahawa harga timah sekarang ialah hanya \$29.15 sekilo, maka tidak hairanlah bahawa banyak lombong terpaksa ditutup.

Akibatnya, beribu pekerja telah kehilangan mata pencarian mereka. Jumlah pekerja sebanyak 39,218 orang pada November 1980 telah jatuh kepada 33,117 orang pada Julai 1982.

Jumlah pengeluaran timah dijangka akan jatuh kepada 49,000 tan pada 1982 dari 59,855 tan tahun lepas. Kekurangan ini disebabkan kawalan ke atas ekspot yang dikenakan oleh Majlis Timah Antarabangsa (ITC) mulai bulan April lalu.

Menurut laporan itu lagi, pendapatan dari ekspot timah dijangka sebanyak \$1,528 juta bagi seluruh tahun 1982, iaitu kurang dari \$2,138 juta untuk 1981.

Maka, jelaslah perusahaan timah Malaysia sedang merosot dengan cepatnya.

Orang Asli Terus Dimangsakan

Seorang peserta Seminar CAP menarik perhatian kepada ketidak-adilan yang dilakukan terhadap kaum Orang Asli yang kini berjumlah 70,000. Hak-hak mereka dalam Perlembagaan Negara serta dasar kerajaan terhadap mereka diragui. Mereka disingkir dari tanah pusaka oleh badan-badan kerajaan dan syarikat besar tanpa perhatian kepada kepentingan mereka.

Cik Linda Liow mendakwa bahawa kaum Orang Asli tidak mempunyai apa-apa kuasa ke atas tanah yang mereka duduki sebab tidak mempunyai sebarang geran atau hak kuasa. Meskipun di situah mereka mendapat mata pencarian, tetapi mereka boleh diusir dengan begitu sahaja.

Kerajaan negeri yang berkuasa tentang hal tanah boleh

membatalkan kawasan simpanan mereka tanpa memberi alasan; ini boleh menyebabkan mereka terpaksa berpindah-randah ke tempat lain.

Sebagai contoh, Cik Liow memberitahu seminar itu bahawa di Pahang, Jabatan Hal Ehwal Orang Asli telah meminta 99,675 ekar sebagai kawasan simpanan, tetapi kerajaan negeri hanya meluluskan 3,160 ekar!

Kini ramai Orang Asli sedang menduduki tanah kerajaan atau syarikat balak. Lama-kelamaan mereka diusir dan tanaman buah-buahan mereka dimusnah.

Beliau merayu supaya kaum Orang Asli semata-mata sebagai bahan muzium, kajian antropologi atau tumpuan pelancong. Mereka adalah rakyat pribumi yang menghadapi masa depan seperti orang lain.

Tuan Rumah Mengaut Untung

Seorang peguam memberitahu bahawa ramai orang miskin yang dituduh dalam mahkamah tidak dibela oleh kerana kemiskinan dan kejahanan. Mereka jahil tentang kemudahan undang-undang.

Menurut kajian Encik Gurdial Singh Nijhar, hanya seorang sahaja di antara 57 orang yang dituduh yang berpendapatan tidak lebih, dari \$200 sebulan telah mendapatkan seorang peguam.

Sebaliknya, 11 daripada 14 orang yang berpendapatan antara +201 dan \$250 telah mendapatkan pembelaan.

Kajian beliau juga menunjukkan satu perkara yang membimbangkan, iaitu ramai mereka yang dituduh jenayah berat tidak dibela dalam mahkamah. Umpamanya, ini termasuk kesemua 20 orang yang boleh dikenakan penjara selama 10 tahun.

Encik Nijhar mendapati bahawa dalam tiga buah masyarakat desa, golongan miskin mengharapkan belas kasihan apabila diugut oleh pekedai, taukeh dan ceti. Sistem keadilan negara tidak memberi manfaat kepada mereka.

Kemiskinan

Mengundur Keadilan

Akta Kawalan Sewaan sepatutnya dipinda supaya melibatkan rumah-rumah yang dibina selepas tahun 1948. Sebanyak 70% dari penduduk bandar berpendapatan \$400 sebulan tidak mampu membeli atau menyewa rumah murah. Harapan mereka adalah untuk menyewa rumah yang dikawal oleh akta tersebut.

Seorang pegawai CAP, Encik Mathew Jacob memberitahu bahawa ramai tuan rumah telah membahagikan bilik-bilik bagi menyewakan

sebuah rumah kepada beberapa kelamin.

Terdapat banyak rumah yang sesuai untuk satu keluarga saja yang diduduki oleh 10 buah keluarga, yang kadangkala mempunyai 7 orang anggota keluarga.

Beliau berkata, tuan rumah selalu mengganggu para penyewa rumah dan bilik kecuali sewa, api, air dan lain-lain. Sepasang suami-isteri yang muda boleh diminta keluar apabila mereka mendapat anak.

Biro Bantuan Guaman Kurang Berkesan

Perkhidmatan bantuan guaman yang disediakan oleh kerajaan patut dirombak semula sebab ia gagal menampung keperluan golongan yang tidak mampu. Demikianlah hujah Cik Noor Farida Ariffin, badan itu masih jauh keberlanggan dalam usaha memberi bantuan guaman kepada kebanyakan orang miskin.

Dengan lain perkataan, ia hanya cuba menegakkan keadilan tanpa kuasa untuk menghapuskan ketidakadilan. Satu bidangkuasa yang meluas adalah perlu bagi membolehkan Biro Bantuan Guaman main peranan yang lebih bererti bagi orang miskin.

Kini, ia telah sampai di persimpangan: iaitu sama hendak terus seperti sediakala atau meluaskan bidangnya bagi merangkumi masalah masyarakat. Buat sekarang badan itu hanya memberi bantuan kepada yang miskin tanpa menyentuh punca-punca kemiskinan.

Cik Noor Faridah berpendapat bahawa badan ini sepatuannya dibebaskan dari kawalan, pihak pemerintah oleh kerana tugasnya mungkin beranggah dengan jabatan-jabatan kerajaan; dengan itu, orang ramai akan lebih yakin apabila membantah tindakan pegawai kerajaan.

Syarikat Gergasi Asing

Menekan Syarikat

Kecil Tempatan

Dasar kerajaan untuk menggalakkan pelabur asing sebenarnya membantu atau menjelaskan pengusaha tempatan, menurut seorang pensyarah UKM, Dr. Anuwar Ali. Beliau memberi Akta Galakan Pelaburan sebagai contoh.

Akta itu berjaya menarik ramai pelabur asing ke Malaysia melalui kelonggaran cukai dan sebagainya. Akibatnya, usahawan kita terpaksa tutup perniagaan dan ini pula menambahkan masalah pengangguran.

Dasar menggalakkan perniagaan kecil dan sederhana dalam Rancangan Malaysia Ke-

dua hanya tertumpu kepada menghidupkan golongan kontraktor dan tidak kepada perniagaan yang sudah ada.

Dalam pada itu, bank-bank tempatan dari agensi kerajaan kerajaan telah mengangkat tirikan usahawan tempatan, dan sebaliknya hanya melayan pemodal asing.

Dr. Anuwar menasihatkan kerajaan supaya jangan terlalu ghairah dalam menarik pelabur asing. Dengan membiarkan kelonggaran cukai, syarikat gergasi antarabangsa akan mengaut untung yang sebenarnya patut dikenakan cukai bagi membentuk pembangunan negara.

Undang-undang

Menindas Kaum Tani

Seorang pensyarah Universiti Malaya, Prof. Syed Husin Ali mengcam kerajaan kerana menindas kaum tani. Katanya, "Cara-cara untuk golongan tani bertindak bersama bagi kepentingan mereka adalah terhad. Akan tetapi, apabila mereka cuba bertindak, pihak kerajaan menggunakan undang-undang bagi menekankan mereka."

Beliau menyebutkan tunjuk perasaan di Baling dan Alor Setar sebagai misalan. Para petani terdesak untuk bertindak kerana mata pencaharian mereka terjejas.

Dalam pada itu, juga terdapat ramai petani dan setinggan yang meneroka secara haram setelah gagal mendapat tanah beberapa kali.


Mereka boleh diusir di bawah Kanun Tanah Negara. Ini menunjukkan undang-undang sebagai alat penindasan.

Sebaliknya, undang-undang untuk kebaikan para petani selalunya tidak berkesan. Misalnya, Akta Penanam Padi 1967 bertujuan meningkatkan pendapatan kaum tani.

Akan tetapi, ia gagal mencapai tujuannya sebab kekurangan tenaga dan peranggahan antara kerajaan negeri dan pusat. Setengah golongan tuan-tanah juga menentang akta tersebut.

Seterusnya, Prof. Husin berkata bahawa semua langkah bagi membasmikan kemiskinan di kalangan kaum tani akan gagal jika ia tidak melibatkan perubahan sosial yang pokok.

UNDANG—UNDANG



BERTENTANG DENGAN KEADILAN:



'Trickle-down theory'

Penguasaan Tanah: Punca Kemiskinan

Keuntungan yang diperolehi dari harta tanah adalah mewah sekali, tetapi di bawah sistem kapitalisma yang wujud di Malaysia ini, hanya golongan tuan-tanah sahaja yang menikmatinya.

Satu rombakan dasar dan undang-undang tanah adalah perlu jika nasib golongan miskin di bandar dan di desa hendak diperbaiki.

Demikianlah pendapat seorang peguam, Encik Abdul

Razak Ahmad. Sistem yang ada kini memihak kepada golongan kaya dalam hal pemilikan tanah; oleh itu, yang miskin tetapi miskin dan yang kaya bertambah kaya.

Miskipun Malaysia adalah sebuah negara yang kaya dan makmur, masih terdapat golongan miskin sebab masalah kaum tani khasnya bersangkutan paut dengan soal tanah, tambahnya lagi.

Sogoshosha Akan Menguasai Dunia

Suatu gejala baru yang sedang berlaku dalam dunia perniagaan di Barat adalah pembentukan syarikat-syarikat gergasi yang bergiat dalam berbagai bidang industri.

Menurut seorang pakar ekonomi UNCTAD, sogoshosha Jepun membayangkan bentuk kapitalisme di masa depan, yang menyatukan sektor kewangan, pengeluaran dan perdagangan dalam kegiatannya.

Misalnya, Syarikat Mitsubishi mempunyai 28 buah anak syarikat dalam pelbagai sektor sehingga menjadi lebih besar dari syarikat minyak Exxon. Kumpulan Mitsubishi berkecimpung dalam berbagai

perusahaan termasuk besi waja kepada makanan.

Syarikat barang runcit terbesar di AS Sears Roebuck kini sudah mempunyai 4 bahagian, iaitu perdagangan, insurans, jual-beli tanah dan keuangan. Sears mempunyai 850 kedai runcit di seluruh Amerika Syarikat.

Penggabungan serta kepelbagaian ini bertujuan memperkuatkan kedudukan melalui imbang dalam pola pelaburan. Pakar tersebut berpendapat bahawa ini akan membawa kepada rombakan sedunia dalam pembahagian kekayaan bumi mengikut perubahan di kalangan pemodal antarabangsa.

Undang-undang Menekan Para Pekerja

Seorang pemimpin pekerja memberitahu bahawa hanya sejuta buruh menjadi ahli kesatuan berbanding dengan jumlah 6 juta pekerja bagi seluruh negara.

Syed Shahir Mohamad menyeru agar kerajaan melonggarkan undang-undang buruh yang melemahkan gerakan kaum pekerja.

Beliau juga memandang sepi terhadap peranan golongan pegawai dalam pembicaraan Mahkamah Perusahaan. Mereka tidak cuba memahami keadaan dari kacamata kaum buruh; oleh dekimian, seorang buruh tidak akan mendapat penyelesaian yang adil baginya dari keputusan mahkamah tersebut.

Seorang lagi peserta se-

minar, Cik Tan Pek Leng mendakwa bahawa kaum pekerja wanita di kilang-kilang elektronik tidak dibenarkan menubuh kesatuan sekerja.

Akibatnya mereka dibuang kerja dengan sewenang-wenangnya, khasnya di waktu kemelesetan ekonomi dunia seperti pada tahun 1974-75 dan sekarang.

Pada tahun 1975, Kesatuan Sekerja Industri Elektronik pernah cuba menyatakan mereka tetapi digagalkan oleh pihak Pendaftar Kesatuan Sekerja dan Kementerian Buruh.

Seterusnya, kisah-kisah pekerja wanita diugut oleh majikan supaya bekerja lebih, yang didenda dan sebagainya adalah perkara lumrah, meskipun Cik Tan.

Amerika Syarikat

Mengekspot Ubat Merbahaya

Seorang peguam dari Amerika Syarikat telah mengcam kerajaan A.S. kerana membenarkan ubat-ubat merbahaya dijual di Dunia Ketiga, seperti Malaysia.

Cik Angela Blackwell berkata bahawa ubat-ubat dan racun yang diharamkan di Amerika dieksport ke negara membangun supaya syarikat pembuatnya boleh mendapat untung. Bahan-bahan itu telah mengakibatkan kematian, kesakitan dan kecacatan di mana-mana dunia.

Meskipun A.S. mempunyai undang-undang yang menyekat penjualan ubat baru di luar negeri, ini tidak melibatkan ubat-ubat lama yang sudah rosak atau dicampuraduk. Seringkali, kenyataan amaran di labunya ditanggalkan sebelum dieksport.

Bekas Presiden Carter pernah mengarahkan kerajaannya supaya memberitahu kerajaan asing apabila ubat merbahaya dibeli, tetapi Presiden Reagan telah membatalkan arahan ini.

KEADAAN ORANG TUA DI MALAYSIA

CHAN KOK ENG

Penduduk Semenanjung Malaysia biasanya dianggap sebagai muda. Pendapat ini memang ada benarnya. Kadar kelahiran yang agak tinggi di Semenanjung Malaysia telah menyebabkan bilangan penduduk dalam lingkungan umur 0-4 tahun membiak dengan pesatnya. Walaupun begitu, satu trend telah pun muncul, terutama sekali sejak tahun 1957, dengan makin bertambahnya bilangan penduduk yang berusia lebih dari 65 tahun. Kumpulan itu boleh dianggap sebagai kaum tua.

Di antara tahun 1957 hingga tahun 1980, peratusan kaum tua di Semenanjung Malaysia telah bertambah dari 2.8% kepada 3.9% manakala bilangannya pula telah bertambah dari 173,000 kepada 460,000 orang. Kadar pembiakan kaum tua di antara tahun 1957 hingga 1970 (iaitu pada puratanya sebanyak 3.6% setahun) adalah lebih tinggi dari mereka dalam kumpulan umur 0-14 tahun (2.7%). Dalam jangka masa 1970-1980, kumpulan tua telah bertambah dengan kadar yang lebih pesat lagi iaitu 5.04% setahun.

Salah satu faktor yang menyebabkan pertambahan peratusan kaum tua di Semenanjung Malaysia ialah penurunan kadar termasuk kesuburan yang telah mengurangkan peratusan muda golongan sambil menambahkan peratusan orang tua. Tambahan pula, dari tahun 1957 hingga 1977, paras kematian telah menurun dari 12.4 kepada 6.3 bagi setiap ribu penduduk. Walaupun penurunan kadar kematian ini menambah bilangan orang dalam semua kumpulan umur, tetapi kesan terbesar dialami oleh kaum tua, seperti mana yang dibuktikan oleh pertambahan purata dalam jangka hidup dari 55.8 tahun untuk kaum lelaki dan 59.2 tahun untuk kaum perempuan pada tahun 1957 kepada 66.1 tahun untuk kaum lelaki dan 71.4 tahun untuk kaum perempuan pada tahun 1977.

Trend pertambahan peratusan orang tua mungkin berlanjut pada masa depan kerana kadar kematian telah menurun ke paras yang paling rendah dan kadar kesuburan pada masa depan mungkin akan terus menurun, seperti yang terdapat di dalam lain negara yang sedang membangun.

Walaupun kumpulan tua merupakan kumpulan minoriti dari segi bilangan dan peratusan di kalangan penduduk Semenanjung Malaysia, tetapi kumpulan ini akan menjadi makin penting dari segi demografi dari semasa ke semasa. Bersamaan dengan lain kumpulan penduduk, kumpulan tua mempunyai berbagai-bagai keperluan yang sah yang tidak boleh atau tidak harus kita abaikan. Setengah daripada keperluan mereka adalah khas kepada umur mereka, mencerminkan tahap-tahap lanjutan umur mereka. Contoh-contoh keperluan khas mereka termasuk rawatan perubatan

45-49 tahun tetapi meningkat kepada 3.8 untuk mereka berumur 50-54 tahun.

Walaupun berbagai-bagai faktor memainkan peranan penting dalam menyebabkan kadar pengangguran yang tinggi di kalangan orang-orang tua, tetapi diskriminasi terhadap pekerja-pekerja tua adalah satu faktor penting yang seharusnya tidak boleh diabaikan. Diskriminasi umur mungkin lebih biasa berlaku di kawasan-kawasan bandar, di mana terdapat pertukaran kerja (labour turnover) yang lebih kerap dari kawasan desa, dan terbatas hanya kepada pekerja-pekerja yang makan gaji.

Satu tindakan yang boleh diambil untuk mencegah ketidakadilan ini ialah melalui perundangan yang dapat mencegah dengan berkesan diskriminasi umur dalam pekerjaan. Tindakan kedua ialah satu penyemakan tentang umur persaraan wajib sekarang yang didapat tidak seimbang dengan trend-trend demografi di mana jangkaan hidup dan jangkaan hidup pekerjaan (working life expectancy) penduduk negeri ini telah bertambah.

seperti petani dan nelayan.

Disamping itu juga, walaupun pendapatan atau pencen didapati oleh setengah orang-orang tua, tetapi ianya biasa terhad dan kuasa pembeliannya biasa merosot kerana inflasi. Berbanding dengan orang yang masih boleh bekerja, seorang pesara biasa tidak dapat menambahkan pendapatanannya (misalnya melalui pekerjaan tambahan masa, pertukaran kerja dan dengan kemaikan jenis pekerjaan). Sebaliknya masalah inflasi telah membebankan mereka kerana mereka biasa membelanjakan sebahagian besar daripada pendapatan mereka untuk mendapatkan keperluan seperti makanan yang mudah terdedah kepada kenaikan harga yang tinggi.

Masalah Pekerjaan

Satu faktor yang menyebabkan masalah kesulitan kewangan di kalangan orang-orang tua yang berpendapatan rendah ialah ketidaaan peluang untuk mendapatkan pekerjaan walaupun mereka masih boleh dan mahu bekerja. Harus juga diambil perhatian bahawa pengunduran ataupun persaraan wajib dari tenaga buruh

kebanyakan sektor pekerjaan, kita dapat memahami mengapa kadar pengangguran makin bertambah di kalangan mereka yang berumur 55 tahun keatas.

Tambahan pula, usaha untuk mengadakan pemeliharaan yang mencukupi untuk kaum tua dibebankan pula dengan masalah bertambahnya trend kemunduran dalam sistem Kekeluargaan yang berpanjangan. Di Semenanjung Malaysia, para pengkaji mendapati bahawa "tempat kedieman selepas perkahwinan sedang berubah ke arah penuh bukan dengan serta merta isi rumah nuklear". Akibatnya, orang-orang tua pun diasingkan dari ahli-ahli keluarga mereka yang muda yang berpindah dari kawasan desa dan bandar kecil ke bandar-bandar besar, terutama sekali Kuala Lumpur.

Di samping itu, masalah kaum tua juga bertambah akibat daripada perbezaan dalam jangka hidup di antara jantina. Kebanyakan perempuan tua biasa hidup lebih lama dari suami mereka. Walaupun di negara ini masih terdapat taraf penjagaan yang agak tinggi dan kemudahan-

ubatan orang tua yang tidak memerlukan kedieman di dalam hospital.

Kebajikan Orang-Orang Tua Sekarang:

Pada lazimnya, penjagaan ke atas orang tua adalah tanggung jawab keluarga yang berkenaan. Tetapi, tidak selalunya orang tua akan dapat dijaga, atau dijaga dengan memadai akibat daripada ketidaktunaan pertalian keluarga yang rapat, ataupun ketidakaan keluarga. Di Semenanjung Malaysia ada beberapa pusat khas untuk orang-orang tua yang berumur 60 tahun keatas. Mereka yang diterima masuk ke pusat-pusat ini terdiri dari mereka yang tidak mengidap penyakit berjangkit, tidak mempunyai saudara mara dan juga tidak dapat memelihara diri sendiri. Di samping itu, orang tua yang miskin boleh juga dimasukkan ke dalam rumah kebajikan ini di bawah perintah mahkamah supaya menerima pemeliharaan, perlindungan dan pemulihran.

Pada masa sekarang, sebanyak 11 buah rumah utama telah dibina oleh pihak kerajaan untuk menempatkan seramai 3,185 orang tua. Selain dari rumah-rumah utama tersebut, Lembaga Kebajikan sedang mengelolakan sebanyak 72 buah 'pondok' dan 92 buah rumah kampung untuk seramai 1,415 orang tua. Rumah sukarela untuk orang-orang tua yang menerima bantuan kerajaan berjumlah enam buah dengan seramai 504 orang penghuni. Dengan itu, kira-kira seramai 4,600 orang tua mendiami di rumah-rumah yang khaskan untuk orang-orang tua.

Bilangan dan tempat kedieman di rumah orang-orang tua sesungguhnya tidak sepadan dengan pertambahan bilangan orang tua negara kita. Dari tahun 1957 hingga 1977, hanya empat buah rumah utama untuk orang-orang tua sahaja yang ditubuhkan oleh pihak kerajaan manakala penduduk tua telah bertambah sebanyak 2.2 kali.

Selain dari penjagaan atau pemeliharaan institusi kedieman, Kementerian Kebajikan pun memberi bantuan wang terhad (\$30 hingga \$50 sebulan) kepada orang-orang tua yang miskin dan berumur 60 tahun keatas. Pada satu tahun lebih kurang 7,000 orang tua mendapat bantuan kewangan ini daripada pihak kerajaan.

Kemudahan disediakan juga untuk menyampaikan peruntukan secara langsung (sejumlah maksima \$1,000 bagi setiap pemohon) untuk membolehkan orang tua menjalankan perniagaan. Disamping itu bantuan kewangan yang terhad ada tersedia untuk membolehkan orang-orang tua membeli alat-alat yang diperlukan.

Walaupun demikian, seperti dengan penyediaan tempat kedieman di dalam rumah orang-orang tua, bilangan yang menikmati faedah sebenarnya adalah kecil berbanding dengan bilangan orang tua di Semenanjung Malaysia, terutama sekali kalau kita memerhatikan bahawa mungkin ada keskes orang tua yang menderita tetapi tidak dapat dilaporkan kepada pihak berkuasa. Tambahan pula, peruntukan wang bulanan sebanyak \$50 sangat tidak mencukupi walaupun wang itu mungkin berupa bantuan tambahan saja.

Sambung dihalaman 7



Generasi baru dalam tangan generasi tua.

Masalah sosial

Semenanjung Malaysia telah mengalami proses permodenan yang diiringi dengan pembangunan ekonomi sejak Merdeka. Perkembangan tersebut melicinkan proses perubahan sosial dengan membawa perubahan-perubahan ke atas nilai-nilai, sikap-sikap ketakuan dan institusi-institusi sosial. Orang-orang tua telah juga dipengaruhi oleh perkembangan-perkembangan itu.

Orang tua di desa nampaknya tidak mengalami kesan-kesan yang begitu teruk dengan orang tua di bandar akibat daripada perbedaan-perbedaan dari segi pertalian dan interaksi sosial, kadar kenal huruf, mobiliti kemasyarakatan dan perseorangan, dan lain-lain faktur seperti. Pada umumnya, orang tua mengalami lebih banyak masalah untuk menyesuaikan diri mereka dengan proses modenisasi ini kerana mereka kurang lengkap (misalnya dengan pelajaran, dll) dan kurang bersedia untuk menikmati kemajuan teknologi yang didatangkan sebagai sebahagian daripada proses permodenan.

Apabila saripai umur bersara yang ditetapkan tanpa mempunyai sumber kewangan yang mencukupi akan menimbulkan tekanan atau kesusahan perbadan.

Untuk setengah orang, pekerjaan merupakan lebih dari hanya sebagai satu sumber pendapatan. Pekerjaan membolehkan penggunaan masa dengan cara positif; ia juga dapat memberi taraf dan identiti perseorangan, dan juga adalah cara interaksi sosial yang bermakna. Tambahan pula, pekerjaan adalah satu pengalaman yang bererti: melalui seseorang akan dapat berkhidmat untuk masyarakat, menunjuk daya kreativitinya serta merasa puas hati daripada pencapaian pribadi.

Dalam negara ini kadar pengangguran adalah lebih tinggi di kalangan pekerja-pekerja tua. Pada tahun 1979, kadar pengangguran di kalangan orang lelaki adalah 4.8 bagi setiap seratus orang yang berumur 55-59 tahun dan hanya 2.3 di kalangan mereka yang berumur 50-54 tahun. Oleh sebab 55 tahun adalah umur persaraan biasa untuk kaum lelaki di dalam

kemudahan kedieman dengan ahli keluarga yang lain, tetapi pengalaman kejandaan masih biasa menimbulkan tekanan perbadan.

Pengalaman ketinggalan akibat kematian menyusahkan kedua-dua orang lelaki dan perempuan, tetapi kesan-kesan adalah lebih teruk di kalangan orang perempuan. Ini adalah kerana dalam kebanyakan masyarakat seseorang perempuan masih biasa bergantung sangat kepada suami mereka, terutama dari segi ekonomi.

Keperluan Perubatan orang tua

Sehingga sekarang unit perubatan geriatrik (khas untuk merawat penyakit orang tua) masih belum ditubuhkan di negara ini. Pihak yang berkuasa harus terus digesa supaya mengambil tindakan untuk membetulkan kekurangan ini dalam perkhidmatan perubatan negara kita. Oleh yang demikian, rumah rawatan istimewa boleh ditubuhkan untuk orang-orang tua yang tiada penjagaan keluarga mereka. Selain dari itu, tindakan harus juga diambil untuk memenuhi keperluan rawatan per-

Kedatangan

Usia Tua

Simone de Beauvoir

Di waktu Buddha masih seorang putera yang sedang membesar dalam suasana istana yang indah dan sentiasa bahagia, beliau telah keluar sering kali untuk melihat dunia luar.

Pada kali yang pertama, beliau terserampak dengan seorang tua yang kurus, bongkok, kulit berkedut-kedut, kepala beruban putih, tanpa gigi, mulut kumat-kamit dan badan mengeletar sambil ia berjalan dengan tongkat.

Buddha yang terpisah dari dunia selama itu terkejut apabila diberitahu oleh temannya bahawa inilah nasib bagi setiap orang yang bernyawa, malah semua makhluk yang hidup.

"Betapa malangnya," ke-luh beliau, "yang muda dan sihat amat jahil dan buta terhadap ketuaan. Mari kita pulang! Buat apa aku mencari hiburan dan berkhalay sebab hasibku adalah sama sekak?"

Setiap manusia yang di-hantui oleh gejala ketuaan hanya mempunyai satu jalan, iaitu terus berbakti kepada masyarakat, patuh kepada kepercayaan dan perjuangan dan terus hidup untuk berkhidmat.

Dengan itu, hati sanubari kita tetap berkobar-kobar dengan semangat zaman muda dan perasaan bahawa kita tidak berguna lagi tidak akan timbul.

Masyarakat sering menasihatkan kita supaya membuat persediaan untuk hari tua nanti. Akan tetapi, jika mereka bermaksud kita menyimpan wang untuk bersara, kita sebenarnya tidak dapat menyesuaikan diri dengan kedadangannya sedikit pun. Hanya dengan terus melibatkan diri dalam sesuatu perjuangan barulah perasaan sayu dan sepi dapat dikawal.

Perbezaan Mengikut Kelas

Namun begitu, di hari tualah, terdapat perbezaan yang ketara sekali antara yang miskin dan yang kaya. Setakat manakah masyarakat bertanggungjawab dalam soal ini? Adalah satu kebenaran bahawa usia tua bermula mengikut kelas seseorang: pekerja pembinaan tidak berkemampuan lagi setelah berumur 50 tahun, padahal mereka yang hidup senang lenang boleh mencapai 80 tanpa penyiksaan.

Di sinilah, masyarakat telah melakukan ketidak-adilan kepada mereka yang tua. Di waktu mereka sihat dan muda, mereka telah bekerja keras mencari nafkah hidup. Mereka membanting tulang setiap hari tanpa peluang mengisi keperluan rohani dan jasmani.

Lama kelamaan, alam sekeliling tidak bermakna lagi dalam kehidupan. Apabila mereka terlalu tua untuk bekerja lagi, masa lapang yang membosankan akan membangkitkan perasaan bahawa mereka telah di ketepikan oleh masyarakat.

Betapa tidaknya! Mereka dianggap tidak berguna lagi kepada masyarakat, malah menjadi satu beban yang ditanggung dengan pembayaran pencepan dan berbagai kemudahan lain.

Nasib orang tua telah mendekati kepincangan masyarakat; maka, sistem keseluruhannya harus diubah secara radikal.

Adakah ini benar? Setiap yang hidup akan tua kelak, dan kita yang menolong mereka sekarang sedang meletak batu asas di mana kita sendiri akan mendapat bantuan kelak.

Masyarakat bersungut tentang perbelanjaan yang tidak menguntungkan. Adalah satu kebenaran bahawa masyarakat kita berdasarkan pada untung hingga manusia dinilai dari segi untung-rugi.

Orang tua yang tidak berguna lagi seandainya a nasib tebu: manusia habis, sebah dibuang. Perasaan kemanusiaan hanya sekadar permukaan sahaja.

Golongan tua mengutuk tamadun dan kebudayaan zaman ini. Apakah sepertinya sikap mesyarakat terhadap orang-orang tua?

Jawabnya mudah sahaja: mereka harus dianggap sebagai manusia juga, bukan dari segi untung-rugi.

Seluruh sikap dan perhubungan antara manusia pada disemak semula jika nasib orang tua hendak diperbaiki. Pendek kata, masyarakat harus diubah pada keseluruhannya.

Seorang individu tidak harus bertungkus lumus sehari suntuk sehingga ia mati dengan ketandusan tenaga, rohani dan jasmani.

Seorang individu seharusnya dibolehkan melibatkan diri dalam berbagai bidang hidup agar berguna kepada masyarakat sehingga tamat hayat. Oleh kerana itu, masyarakat tidak boleh menge-nepikannya di waktu tua.

Malangnya, keadaan yang wujud tidak mudah diubah. Sedikit demi sedikit, perubahan yang sedang dilakukan tidak akan berjaya sebab sistem yang ada masih teguh pada keseluruhannya.

Punca penghinaan orang-orang tua berpuncak dari pada penindasan terhadap kaum pekerja, keruntuhan akhlak di kalangan masyarakat dan kemewahan hidup yang dinikmati oleh segelintir golongan kaya.

Nasib orang tua telah mendekati kepincangan masyarakat; maka, sistem keseluruhannya harus diubah secara radikal.

Amerika Syarikat Menentang INRA

Seorang pegawai Jabatan Perdagangan Amerika Syarikat mempersoalkan kemajuan yang dicapai oleh Perjanjian Getah Asli Antarabangsa (INRA) dalam usaha menstabilkan harga getah.

Bagaimanapun, pengarah Bahagian Sumber Antarabangsa, Frederic Siesseger mengaku bahawa hingga kini stok penimbang berjaya menahan harga getah dari merosot lagi tanpa merosakkan perjalanan pasaran dunia.

Siesseger menegaskan bahawa stok penimbang tidak boleh melindungi negara pengeluar getah dengan sepenuhnya dari akibat buruk kemererosotan ekonomi dunia yang berpanjangan.

Kesulitan yang menghantui persetujuan perdagangan timah dan koko membuktikan bahawa ketetapan harga harus disesuaikan dengan kemererosotan pasaran dan sumber-sumber kewangan, tambanya.

Beliau juga menyindir negara pengeluar bahawa perlaksanaan syarat-syarat perjanjian untuk menjaminkan bekalan getah pada jangka masa panjang telah diabaikan sehingga ini.

Siesseger juga menasihatkan negara-negara pengeluar, seperti Malaysia, bahawa tinjakan bersendirian untuk mempertahankan harga boleh melanggar perjanjian INRA.

Dari hal. 6

Pengangkutan

Satu lagi aspek di mana keperluan orang tua masih belum diberi perhatian dengan sejawanya ialah di bandar pengangkutan. Pengangkutan ialah satu cara yang paling penting untuk membolehkan orang-orang tua mendapati sumber-sumber sosial, ekonomi dan fizikal yang dikehendaki oleh mereka dengan mudah.

Di dalam negara ini, daripada banyak perbadanan utama yang terlibat dalam memberi perkhidmatan secara mass-transit, hanya Kereta Api Tanah Melayu sahaja yang mempunyai satu dasar yang memberi faedah kepada kaum tua. Potongan tambang kere-tapi sebanyak satu-pertiga di-berikan kepada orang-orang berumur lebih dari 64 tahun apabila mereka dapat membuktikan taraf umur mereka dengan menggunakan kad pen-genalan.

Walaupun sekim ini patut dipuji, tetapi kelayakan umur yang terdapat sekarang harus dikurangkan ke umur 60 tahun. Bilangan orang-orang tua yang boleh menerima faedah akan dapat dibesarkan; disamping itu, kumpulan berumur 60 tahun dan lebih melibatkan majoriti besar kumpulan tua yang telah bersara dan mempunyai pendapatan rendah.

Kita berharap bahawa sektor yang menyediakan kemudahan mass-transit (kere-tapi jalanraya, udara dan laut) akan meneliti dengan lebih serius cara bagaimana orang-orang tua yang mengembawa akan dapat ditolong. Oleh kerana kebanyakan orang tua berpendapatan rendah maka mereka akan bergantung sangat kepada sistem pengangkutan awam.

Yang sangat perlu disemak bukan sahaja persoalan tam-

Jepun Melambak

Besi Waja

Syarikat besi waja Jepun sedang melambakkkan besi waja dengan harga murah di pasaran Amerika Syarikat dan Asia Tenggara, menurut sumber-sumber dari Korea Selatan.

Langkah ini menyebabkan kejatuhan harga besi waja Korea Selatan yang sudah rendah, mengakibatkan kerugian yang amat besar kepada Korea Selatan kerana Amerika Syarikat dan Tenggara menjadi pasaran yang paling penting bagiannya.

Kenapa Buruh

Estet Berkurangan

Menurut sebuah laporan untuk persidangan Kesatuan Kebangsaan Pekerja-pekerja Ladang (NUPW), ramai buruh estet telah meninggalkan kerja mereka bagi mencari pekerjaan di bandar. Pada pendapat mereka, bekerja di estet tidak mendapat upah dan ganjaran lain yang sewajar.

Walaupun pihak majikan sering menyeru agar kaum buruh lebih rajin bekerja, tetapi sebaliknya mereka tidak menyediakan galakan yang berpatutan.

Umpamanya, pihak majikan harus menaikkan gaji dan eluan serta kemudahan perumahan, perubatan dan hiburan. Terdapat juga banyak ladang yang menggunakan pekerja imigran dengan bayaran di bawah paras minima.

bang (dengan percuma atau potongan) tetapi juga kemudahan-kemudahan yang yang dapat menolong orang tua yang menghadapi salah rintangan fizikal. Misalnya, basbas harus mempunyai kelengkapan yang membolehkan penumpang tua supaya dapat memanjat dengan mudah atau lain peraturan yang memudahkan orang tua menggunakan sistem pengangkutan bas.

PENUTUP

Kegagalan untuk mengatasi masalah-masalah orang tua dalam masyarakat Malaysia mungkin disebabkan ketadaan kesedaran tentang keterukan masalah-masalah itu yang makin bertambah dengan bertambahnya bilangan orang-orang tua di negara ini serta perkembangan sosio-ekonomi lain yang telah dibincangkan.

Sebenarnya orang-orang tua merupakan golongan minoriti dalam masyarakat Malaysia, dan di dalam suatu masyarakat di mana terdapat persaingan hebat untuk sumber-sumber yang agak terhad, orang-orang tua biasanya telah diketepikan. Keadaan ini juga mungkin disebabkan oleh prasangka buruk terhadap orang-orang tua yang berdasarkan kepada pandangan yang tidak rasional.

Nyatalah sekarang bahawa masih terdapat banyak lagi peluang bagi penglibatan dan kerjasama diantara kedua-dua sektor kerajaan atau awam dan sektor swasta, termasuk individu-individu, untuk membelakangi kemudahan-kemudahan yang sesuai kepada orang-orang tua di negeri ini. Salah satu langkah pertama yang boleh diambil oleh pihak kerajaan ialah mengiktiraf orang-orang tua sebagai satu kumpulan khas yang mempunyai keperluan yang istimewa dan sama penting dengan lain-lain kumpulan miskin di negara ini.

Economy:

Nobel Laureate

Admits

'Depression'

In an apparent effort to improve credibility on economic issues, the White House recently invited to Washington two conservative economists highly respected by the profession.

Although one, the Nobel Prize winner George Stigler from the University of Chicago, was in town only for the day, the other, Martin Feldstein of Harvard, had been asked to stay on as chairman of the President's Council of Economic Advisors.

Speaking with surprising candor, they lost no time in putting distance between themselves and the far-right monetarists and fringe supply-siders, who have in contradictory fashion tried to steer the administration since the beginning.


They even contradicted the President's current view of the recovery. Stigler's brief stand on the White House newsroom podium left the staff flushed with embarrassment.

It was only six days before the election when Stigler arrived, and only 10 days since the publicity about his US\$175,000 Nobel award. He stopped in first for a discussion with the President, then went to meet the press corps, where he, the distinguished guest, would presumably give the Reagan economic program a much needed pre-election boost.

Instead, Stigler amiably dismissed supply-side economics as "a gimmick" and

described the economy as being in a "depression." When reporters picked up on his use of that word, he indicated he understood that its use is taboo "within the city limits of Washington, D.C.," but that he was old enough (71) to recognize the real thing when he sees it.

And even when White House aides, reportedly red-faced, were hustling him away from reporters, he was still chattering about the similarities between the present situation and the 1930s.



PERJUANGAN RAKYAT BRUNEI



Kongres Partai Rakyat Brunei Pertama
Mac 1957



Anggota Partai-Rakyat Brunei (PRB) dan rakyat
menunjuk perasaan untuk menyokong 'Rombongan Merdeka' - 1957.



Rakyat menunggu kedibas 'Rombongan Merdeka' dari London - 1957




Menghantar Petisi Ke Pejabat Pesuruhjaya Tinggi British - July 1960.



Askar British yang menduduki Bandar Seria - Disember 1962.

REVOLUSI DISEMBER 1962



Senjata para pekerja Bandar Seria dirampas oleh British
Disember, 1962.



Para anggota Tentera Nasional Kalimantan Utara diseksa oleh British selepas
ditawan - Disember 1962.



Tentera British menawar Lapangan terbang Brunei selepas
pertempuran hebat dengan TNKU - Disember 1962.

Ucapan Azahari Di PBB (1975)

Bagi pihak Parti Rakyat Brunei, dua orang teman saya — Tuan Haji Ahmad Zaini, Naib-Presiden dan Encik Affendi Jassin, Setiausaha Agung Parti — saya ingin, pertama sekali merakamkan rasa kesyukuran dan penghormatan kami kepada Saudara Pengurus, dan anggota-anggota terhormat yang lain dari Jawatankuasa ini, kerana begitu bermurahati menyampaikan undangan kepada kami untuk hadir di hadapan badan permesyuaratan Bangsa-bangsa Bersatu ini.

Kehadiran kami di hadapan sdr-sdr sekalian sesungguhnya satu peristiwa yang bersejarah dalam perjuangan rakyat Brunei yang adil dan halal menentang kekuasaan Kolonial oleh penjajah British.

Ini sesungguhnya adalah pertama kali bahawa rakyat kami telah dapat mengangkat suara mereka dalam dewan Bangsa-bangsa Bersatu yang luhur terhadap kekejaman-kekejaman yang tidak berperi kemanusiaan dan liar yang dilakukan oleh Kuasa Kolonial itu dalam tekadnya hendak melenyapkan segala pernyataan yang sejati dan halal dari rakyat kami untuk memperjuangkan kemerdekaan mereka demi melanjutkan kekuasaannya yang jahat ke atas tanahair kami yang tercinta.

Simpati

Kami datang di hadapan sdr-sdr dengan penuh harapan bahawa perjuangan kami akan mendapat sokongan dan simpati yang kuat dari Sdr-sdr dan juga untuk menyergerakan pengakhiran pemerintahan pejajaan di Brunei.

Kami sangat memberikan sanjungan kepada usaha-usaha Jawatankuasa Sdr-sdr yang di masa lalu telah membuka pintunya kepada saudara-saudara kami iaitu pejuang-pejuang pembelaan yang gagah dan berani di Asia, Afrika dan Latin Amerika.

Betapa gembiranya mereka itu sekarang dapat menikmati buah hasil perjuangan mereka yang telah mencapai kemenangan dalam detik kemerdekaan mereka, yang direbut setelah melalui perjuangan yang larut dan sukar terhadap tenaga-tenaga penjajaan.

Sokongan kuat, baik berupa material dan moral, yang diberikan oleh Bangsa-bangsa Bersatu dan terutama sekali Jawatankuasa 24, ialah satu lagi sumber kekuatan kepada pejuang-pejuang yang gagah berani itu.

Kami di Brunei juga mempunyai keyakinan seperti itu terhadap Sdr-sdr sekalian dan terhadap Bangsa-bangsa Bersatu dan kami yakin bahawa setelah Sdr-sdr mendengar ketertuan kami, maka Sdr-sdr akan bersetuju bahawa apa yang Sdr-sdr telah diberitahu

setakat ini oleh penjaja British mengenai Brunei adalah dusta semata-mata dimaksudkan untuk mengabui mata Sdr-sdr dan mengelirukan masarakat dunia.

Peri kedua-dua teman saya dan saya sendiri hadir di sini adalah satu dalil tentang apa yang rakyat kami sedang lalui sekarang di bawah perintahan kolonial British di Brunei.

Teman saya, termasuk kedua-dua crang sekarang duduk di samping saya, telah dipenjarakan selama lebih se-puluh tahun dan dalam masa tersebut telah menderita berbagai penyiksaan dan pendekitan yang ditimpakan ke atas dirinya oleh British yang terang-terang bertentangan dengan Perisytiharan Bangsa-bangsa Bersatu terhadap Hak-hak Manusia dan Kovenant Antarabangsa mengenai Hak-hak Politik dan Awam.

Mereka dilayani bukan sebagai orang-orang tahanan politik, tetapi sebagai orang-orang yang melakukan jenayah, dipaksa duduk di atas ketul-ketul airbatu, dipukul, dikurung sendirian selama 15 bulan sementara keluarga-keluarga dan teman-teman mereka dilarang menemui mereka.

Kesalahan kami cumalah, kalau itu Sdr-sdr mahu katakan satu kesalahan, mempernyatakan keinginan dan hasrat kami untuk bebas dan untuk merdeka.

Ditahan

Teman saya, Affendi Jassin, tidak akan berada di tengah-tengah kita hari ini, kalau-lah peluru yang dilepaskan ke atasnya itu, tersesat kira-kira seinci lebih dekat kepada urat dikakinya.

Mereka telah ditahan begitu lama, terlalu lama menuju sebarang pertimbangan dan ukuran yang Sdr-sdr mahu pergunakan. Kerana itulah juga mengapa suara kami tidak terdengar terlebih awal dalam Bangsa-bangsa Bersatu.

Malah sekarang ini pun, kalau-lah mereka tidak melepaskan diri dari cengkaman penjaja mereka akan masih merengkok di dalam penjara-jara di negeri Brunei sementara kaum kolonialis cuba mengabui mata Sdr-sdr mengenal kedudukan yang sebenarnya di sana.

Kami, menurut kacama mereka, masih menjadi orang tawan, tetapi Insyallah, dengan sokongan dan dorongan Sdr-sdr, kami berharap mugamug akan pulang ke tanahair kami dengan bangga, bebas dan gembira membawa perutusan dan kabar yang telah lama ditunggu-tunggu oleh mereka, perutusan dan kebar bahwa nasib tanahair kami adalah terletak di dalam tangan kami sendiri dan kami akan membentuk dan menen-



A.M. AZAHARI MAHMUD
KETUA UMUM PARTAI RAKYAT BRUNEI

tukan sendiri nasib masa depan kami.

Sdr Pengurus:

Parti Rakyat Brunei diwartakan sebagai sebuah parti politik pada 21 Ogos, 1956. Dalam masa kurang dua bulan, parti itu telah mendaftarkan kira-kira 15,000 orang anggota mengandungi buruh, petani, nelayan dan orang-orang intelektual.

Desak

Dalam Kongres Nasionalnya yang Pertama, diadakan di Kampung Kilanas, Brunei, pada 21 Mac, 1957, satu daripada banyak resolusi yang diluluskan ialah untuk mendesak Kerajaan British mengadakan satu sistem pemerintahan secara menteri di Brunei.

Satu resolusi juga diluluskan untuk memberi kuasa kepada Jawatankuasa Kerja Parti Rakyat Brunei supaya mengatur dan menyerahkan sebuah memorandum kepada Setiausaha Tanah Jajahan di London untuk mencapai cita-cita nasional itu secara berkesan.

Setelah itu, seorang pegawai perlembagaan yang terkenal di kalangan antarabangsa, mendiang Encik Walter Raeburn, Queen's Counsel, telah ditempar perkhidmatannya dan dijemput datang ke Brunei.

Di datang ke Brunei dalam bulan April tahun 1957.

Setelah mengadakan perbincangan-perbincangan yang penuh dengan anggota-anggota Jawatankuasa Kerja Parti kami, menemui pula pegawai-pegawai tinggi Kerajaan termasuk Resident British, dan setelah mengadap Ke Bawah Duli Sultan Brunei, mendiang Encik Walter Raeburn, Q.C., pun membuat sebuah memorandum untuk dirujukkan kepada Setiausaha Jajahan di London.

Rasmi

Dalam bulan September 1957, Parti Rakyat Brunei telah mengutus satu perwakilan tiga orang terdiri dari teman-teman saya sekarang dan saya sendiri, ke London dengan maksud mengadakan perbincangan-perbincangan yang terus-terang dengan Setiausaha Tanah Jajahan yang keras kepala itu, tentang intisari dari memorandum yang telah disampaikan lima bulan sebelum itu.

Pertemuan-pertemuan tidak rasmi telah diadakan di antara bekas Setiausaha Jajahan itu dan pihak kami. Pertukaran pendapat dan fikiran secara terus-terang telah diadakan walaupun tidak ada satu-satu persetujuan yang tertentu telah tercapai.

Pertemuan itu telah berakhir dengan kegagalan total.

Kami tidak mendapat sebarang tolak-ansur politik dari Kerajaan British, apa lagi mendapat taraf pemerintahan sendiri di dalam negeri untuk Brunei.

Dengan perasaan hampa, tetapi bertekad untuk meneruskan perjuangan kebebasan kami, maka perwakilan itu pun pulang ke Brunei dengan tangan kosong, satu kebiasaan yang selalu berlaku dalam perjuangan gerakan-gerakan pembelaan kebangsaan di seluruh tanah jajahan pada waktu itu. Tetapi tekad kami lebih kuat untuk memperjuangkan cita-cita yang hak dan adil dari rakyat kami.

Akibat tuntutan-tuntutan yang beritalu-talu dan agitasi dari Parti Rakyat Brunei, maka Kerajaan British telah mengurniakan kepada kami perlombagaan bertulis buat pertama kali dalam tahun 1959.

Perlombagaan Brunei tahun 1959 itu mensyaratkan penuhan sebuah Majlis Undangan terdiri dari 33 orang, 16 orang daripadanya akan dipilih melalui hak mengundi. Pilihanraya akan diadakan dua tahun selepas Perlombagaan itu dikuatkuasakan: dengan lain perkataan, tidak lewat dari pada 29 September tahun 1961.

Pilihanraya itu tidak sekali-kali diadakan menurut Jadualnya. Ia ditangguhkan oleh pemerintah Kolonial atas alasan kononnya dipaksa oleh "keadaan-keadaan yang tidak dapat dihindarkan."

Parti Rakyat Brunei membantah terhadap penangguhan itu.

Akhirnya, pada 20 Ogos tahun 1962, pilihan umum yang jolong-jolong kali pun diadakan.

Parti Rakyat Brunei telah bertanding merebut semua 55 kerusi dan telah memenangi 54 dari kerusi-kerusi itu di dalam Majlis-majlis Daerah.

Keputusannya ialah, melalui satu "collegiate system", Parti Rakyat Brunei telah memenangi semua sekali 16 kerusi yang terpilih di dalam Majlis Undangan dan mererima 98 peratus dari undi di dalam pilihanraya itu.

Usul-usul

Persidangan pertama dari Majlis Undangan Brunei yang separuh-terpilih itu telah dijadualkan untuk diadakan pada 5 Disember tahun 1962. Parti Rakyat Brunei, melalui wakil-wakilnya yang dipilih di dalam Majlis Undangan itu, telah membentangkan sejumlah usul untuk ditimbang dan dibincangkan oleh Dewan itu.

Sebuah usul itu ialah untuk memberi kuasa kepada Parti Rakyat Brunei supaya mewakili aspirasi rakyat Brunei di dalam Bangsa-bangsa Bersatu. Usul yang dicadangkan itu telah dibentangkan kepada Dewan itu oleh teman saya, Affendi Jassin.

Usul itu menimbulkan rasa tidak senang yang begitu hebat kepada Setiausaha Tanah Jajahan di London.

Menyedari bahawa usul itu akan diluluskan kerana Parti kami mempunyai 16 orang anggota yang terpilih di dalam Majlis Undangan itu berbanding dengan 17 anggota yang dilantik termasuk seorang anggota yang dilantik untuk mewakili Syarikat Petroleum Shell Brunei dan seorang lagi untuk mewakili kaum Cina yang tidak akan mengundi memihak kepada Kerajaan atau kepada Parti kami, maka pihak berkuasa kolonial British di Brunei, melalui Pesuruhjaya Tinggi British, telah menasihatkan Sultan Brunei supaya menitahkan kepada Speaker, iaitu seorang yang dilantik oleh Kerajaan, untuk menolak usul itu dan menangguhkan persidangan Majlis Undangan Negeri itu sehingga satu masa yang tidak dapat ditentukan.

Harus diingat bahawa menurut Perjanjian tahun 1959, Ke Bawah Duli Sultan Brunei diwajibkan menerima dan harus bertindak atas nasihat Pesuruhjaya Tinggi British.

Bertindak

Kerana hampa dan marah, maka rakyat Brunei, bertindak melalui wakil-wakil yang dipilih oleh mereka secara sah menurut undang-undang, telah mempergunakan hak-hak mereka yang tidak dapat dilucutkan untuk menentukan nasib masa depan mereka sendiri, untuk kemerdekaan dan kebebasan, dengan mengisyiharkan kemerdekaan dan mereka secara "unilateral" melalui satu revolusi rakyat pada 8 Disember 1962.

Kerana terkejut dan begitu kelam-kabut, maka pihak berkuasa kolonial British di Brunei, sekali lagi melalui Pesuruhjaya Tinggi British, telah menasihatkan Sultan Brunei supaya mengisyiharkan satu keadaan darurat pada 12 Disember 1962.


Perisytiharan ini segera disusul dengan ketibaan tentera-tentera penjajah dan askar-askar upahan British di Brunei, berjumlah 10,000 orang ketika revolusi itu sedang memuncak. Mereka telah bermaharajalela dan membunuh ramai sekali rakyat yang tidak berupaya mempertahankan diri mereka.

Parti Rakyat Brunei telah diharamkan.

Tentera penjajah penduduk British juga melakukan penangkapan dan penahanan secara bermaharajalela terhadap beribu-ribu orang anggota Parti kami termasuk enam orang ahli Jawatankuasa Kerja Majlis Undangan, 15 orang Ahli Majlis Undangan dan 33 orang ahli Majlis Mesyuarat Daerah.

Pada satu ketika kira-kira 2,342 orang anggota Parti kami telah ditahan tanpa diadili di dalam barek-barek yang bersesak-sesak itu, yang mengingatkan kembali kepada Lobang Hitam yang begitu termasyhur di Calcutta dulu dan Hola Camp di Kenya. Dan orang-orang tahanan itu telah diperlakukan hukuman-hukuman yang kejam secara beragam.

Pemimpin-pemimpin Parti kami telah dikehendaki di dalam "bilik-bilik kurungan" yang sempit dan gelap dan dikawal dengan amat ketat selama berbulan-bulan lamanya di dalam kamar-kamar airbatu serta melalui penyiksaan-penyiksaan ke atas kemaluan mereka serta diperlakukan periksaan-pemeriksaan yang intensif.



Satu Rapat Umum PRB di Bandar Brunei

Malah hari ini pun, hampir 13 tahun setelah tercetus Revolusi Brunei pada 8 Disember, tahun 1962 itu masih ada 36 orang tahanan politik di dalam Penjara Jerudong yang termasyur kejam itu.

Tetapi pada 12 Julai tahun 1973, 10 orang dari patriot-patriot kami, lapan daripadanya pemimpin, termasuk dua orang yang duduk di samping saya sekarang, telah berjaya meloloskan diri daripada kemah-kemah tahanan British dan sekarang tinggal dengan mendapat perlindungan politik di Malaysia.

Hasrat kami untuk melenyapkan belengku penjajahan telah ditindas dengan kejam oleh penjajah, yang mempergunakan seluruh kekuatan tentera British - lebih 10,000 orang askar kulit putih dan askar upahan British - di dalam sebuah negara di mana penduduknya ketika itu hanya berjumlah kira-kira 115,000 orang.

Sebaliknya, Kerajaan itu juga menolak untuk mengambil langkah-langkah yang berkesan untuk menggulingkan rejim 'minoriti' kulit putih yang tidak sah itu yang dipimpin oleh Ian Smith, iaitu bertentangan samasekali dengan keputusan-keputusan Bangsa-bangsa Bersatu dan pendapat umum dunia.

Setelah membunuh orang-orang yang tidak berdosa yang tidak terperi ramainya dan menangkap serta memasukkan ke dalam penjara semua sekali pemimpin terpilih dari Parti Rakyat Brunei maka Kerajaan British sekarang cuba melepaskan tanggungjawabnya yang jahat itu dengan mempersalahkan Ke Bawah Duli Sultan Brunei yang tidak berdosa berdasarkan kononnya Perjanjian tahun 1971, yang dikatakan memberikan "taraf berkerajaan sendiri yang penuh di dalam negeri" kepada Brunei.

Kami ingin menegaskan bahawa, walaupun British mendakwa Brunei mempunyai hak pemerintahan di dalam negerinya sendiri, tidak ada, dan saya ulangi lagi, tidak ada parti politik wujud di Brunei pada masa ini. Kerajaan itu sebenarnya dikendalikan oleh British Pegawai-pegawai British mempunyai jawatan-jawatan penting di dalam Perkhidmatan Pertadbiran Negeri.

Umpamanya, Peguam Negara ialah seorang Inggeris dan Pegawai Kewangan Negeri ialah seorang Inggeris; demikian juga Pengarah Polis Cawangan Khas, Pegawai Panglima Askar Melayu Diraja Brunei Pengarah Pelajaran, Pengarah Talikom, Pengarah Peritan dan lain-lain.

Kami akan mengedarkan senarai penuh nama pegawai-pegawai ini supaya dunia dapat membongkar pendustaan bahawa pihak berkuasa British tidak mempunyai tanggungjawab terhadap Brunei.

Paksaan

Kerajaan penjajah juga menyorokkan hakikat bahawa pihaknya masih bertanggungjawab terhadap hal-hal luar negeri dan pertahanan Brunei menurut Perjanjian baru ini adalah hasil dari perundingan-perundingan perlembagaan antara wakil-wakil penjajah British dan Ke Bawah Duli Sultan Brunei.

Rakyat Brunei tidak diwakili samasekali di dalam perundingan-perundingan itu.

Bagaimakah dapat kami mempersestui sebuah Perjanjian yang tidak diterima oleh

rakyat Brunei yang tidak diberikan hak menyatakan pendapat dan fikiran mereka untuk merumuskannya?

Perjanjian ini dibuat sebagai satu paksaan politik semata-mata dengan maksud untuk melanjutkan pemerintahan dan kepentingan kolonial.

Betapa pun ia cuba dihalalkan dari segi undang-undang, maka ia tidak dapat melepaskan kerajaan penjajah daripada tanggungjawabnya kepada dunia khususnya berhubung dengan pelaksanaan resolusi Perhimpunan Agung 1514 (XV), Fasal 73 (e) dari Piagam Bangsa-bangsa Bersatu dan resolusi Perhimpunan Agung 3159 (XXVIII).

Melalui Ajen-ajen kolonialnya, pegawai-pegawai British yang sekarang berkhidmat dalam Perkhidmatan Pertadbiran Brunei, terutama sekali Ketua Polis Cawangan Khas, Pegawai Panglima Askar Melayu Diraja Brunei, Peguam Negara dan askar-askar upahannya; pihak berkuasa kolonial di Brunei terus menjalankan kempenkempen mengganas dan mengancam serta menindas pendukung-pendukong Parti Rakyat Brunei dalam Negeri Brunei.

Penangkapan-penangkapan serta ancaman-ancaman penangkapan masih dilakukan secara maharajalela.

Satu kempen yang jahat terhadap marwah pemimpin-pemimpin Parti Rakyat yang sekarang hidup di luar negeri sedang dijalankan secara yang tidak pernah dilakukan sebelumnya dan satu komplotan yang teratur sedang dijalankan dengan kerjasama ajen-ajen asing untuk mematahkan kegiatan-kegiatan politik pemimpin-pemimpin Parti Rakyat Brunei yang tinggal di luar negeri.

Sdr-sdr Anggota yang hormat dari Jawatankuasa Kecil ini mungkin tahu bahawa satu rayuan telah dikirimkan kepada Jawatankuasa Kecil mengenai Rayuan oleh Front Kemerdekaan Rakyat Brunei dalam tahun 1972.

Jawatankuasa Kecil itu dalam sidangnya yang ke 171 pada 17 Mac tahun 1972 telah memutuskan untuk mengedarkan surat rayuan itu, yang menyatakan tentang niat Kerajaan penjajah British untuk mengadakan pilihanraya dan mengadakan satu bentuk Kerajaan secara Menteri dan mengadakan langkah-langkah selanjutnya ke arah demokrasi berparlimen yang penuh.

Rayuan

Rayuan itu juga menuduh penjajah kerana menghalangi Kerajaan Brunei memberikan kepada rakyat Brunei hak untuk hidup dan memerintah negeri mereka sendiri. Ia juga menyatakan bahawa kehadiran kolonialisme British selanjutnya di Brunei akan mendorong Kerajaan Brunei untuk menangguhkan demokrasi berparlimen.

Rayuan itu selanjutnya menyatakan bahawa British tidak akan mahu melepaskan Brunei selagi mereka dapat merasakan nikmat daripada kedudukan mereka mencampuri dan mengganggu pertadbiran negeri Brunei.

Pemimpin-pemimpin Parti tersebut adalah bekas anggota Parti Rakyat Brunei dan Parti ini juga mengalami nasib seperti Parti kami.

Tidak ada parti-parti politik baru di Brunei sekarang. Parti-parti politik telah diharapkan samasekali.

Tidak ada pemimpin yang berani bercakap dengan suara nyaring bagi pihak rakyat je-

lata, telah muncul. Pemimpin-pemimpin sejati ialah mereka yang sekarang terpaksa tinggal diluar negeri, dan beberapa orang lagi yang masih merengkok di dalam penjara-penjara kolonial di Brunei, menderita penyiksaan dari pengawal-pengawal penjara setiap hari.

Tidak ada ancaman tentera terhadap Brunei, tetapi negeri itu masih diperintah berdasarkan hukum-hukum tentera yang telah wujud semenjak tahun 1962.

Alasan-slaskan mengapa Kerajaan penjajah keberatan melepaskan cengkamannya di tanahair kami, tidak sukar dicari. Syarikat antarabangsa yang terkenal itu, Syarikat Minyak Shell British, sedang menghimpunkan keuntungan-keuntungan yang besar daripada penghasilan minyaknya tiap hari.

Negara kami hanya mendapat 30 peratus dari hasil seluruh penghasilan itu, yang tiap tabun ditaksir berjumlah kira-kira \$1 billion.

Dalam pada itu, Shell melaburkan wangnya yang banyak dalam industri gas cecair. Industri ini menghasilkan \$B 43.00 tiap satu saat.

Benteng

Duapuluh peratus dari pendapatan Shell International

dekad, Brunei akan mengirimkan ke negeri Jepun dan ke dunia Barat sejumlah gas asli yang bernilai kira-kira \$6 billion.

Faedah

Tidak pernah diusahakan untuk mendirikan satu industri "petrochemical" di Brunei walaupun keperluan dunia terhadap e-hyl alcohol, propylene, butadiene dan paraxylene bertambah besar. Belum pernah di dalam sepanjang sejarah negara kami maka pemerasan yang begitu besar terhadap kekayaan alam kami telah dilakukan seperti sekarang ini.

Wang yang berlebihan atau "surplus funds" telah dilaburkan menurut cadangan dan dengan persetujuan Pegawai Kewangan Negeri, seorang bangsa Inggeris.

Berdasarkan kadar faedah (interest) yang dikenakan tiap tahun dan tempat-tempat di mana wang berlebihan itu telah dilaburkan, maka ternyata sekali bahawa wang berlebihan itu telah tidak dilaburkan dengan mengutamakan kepentingan rakyat: Brunei, tetapi semata-mata untuk kepentingan-kepentingan kolonial dan kaum modal.

Pada saat dan ketika manakala negeri-negeri yang sedang

yang dalam di bandar Muara sedang dibina dengan belanja US\$20 juta tetapi boleh dikatakan, tidak sebuah pun kapal dagangan besar yang singgah di pelabuhan itu tiap minggu.

Lapangan udara antarabangsa Brunei, yang menelan belanja hampir sebanyak itu juga, sedang digunakan seminggu sekali saja oleh sebuah syarikat penerbangan antarabangsa (sudah tentu BOAC), berserta tiga buah syarikat penerbangan serantau yang singgah tiap hari.

Simbol

Sebenarnya, lapangan udara antarabangsa Brunei itu dibina untuk memberikan khidmat kepada Angkatan Udara Diraja British dan bertindak sebagai sebuah pengalan udara British yang lain di Asia Tenggara.

Walaupun tidak ada sebab pun untuk mengabdiakan Churchill, pihak berkuasa kolonial telah membina sebuah Dewan Peringatan Churchill di tengah-tengah bandar Pekan Brunei, dengan belanja kira-kira US\$2.2 juta.

Pembinaan ini dapat dikatakan tidak masuk akal mengingatkan bahawa sebuah hospital besar yang tidak jauh

yang terjajah. Kami meminta bukti amalan bukan kata-kata.

Rakyat Brunei menyertai aspirasi seluruh rakyat dunia yang terjajah. Rakyat Brunei bercita-cita untuk menjadi anggota sebuah negara yang merdeka supaya kami dapat mengambil tempat kami yang hak di dalam Bangsa-bangsa Bersatu.

Peranan

Rakyat Brunei tidak minta berlebihan: Apa yang kami minta hanya pengakuan terhadap hak kami untuk menjadi sebuah negara merdeka dan berdaulat, hak kami untuk menentukan nasib kami sendiri supaya kami dapat membentuk sebuah kerajaan kami sendiri berdasarkan perlembagaan dan demokrasi berparlimen.

Jawatankuasa Kecil ini, Sdr Pengurus, mempunyai peranan sejarah dalam perjuangan kami dan kami berharap dengan jujur bahawa kehadiran kami di hadapan Sdr-sdr tidak akan dihamparkan.

Parti kami yang menjadi wakil tunggal yang sah dari rakyat terjajah di Brunei, sesungguhnya menyeru kepada Sdr dan anggota-anggota lain yang terhormat dari Jawatankuasa untuk memberikan sokongan Sdr-sdr yang kuat kepada perjuangan kami untuk mencapai kemerdekaan.

Saya meminta jawatankuasa ini mempernyatakan sekali lagi hak-hak rakyat Brunei yang tidak dapat terlucut untuk menentukan nasib kami sendiri dan untuk mencapai kemerdekaan, sesuai dengan resolusi Perhimpunan Agung 1514 (XV) dari 14 Disember tahun 1960, dan meminta kepada kuasa yang mentadbirkan Brunei supaya mengambil langkah menyerahterahkan segala kuasanya kepada rakyat Brunei, tanpa sebarang syarat, dengan mengadakan satu pilihanraya di Brunei di bawah pengawasan Bangsa-bangsa Bersatu.

Maksud

Saya juga menyeru kepada Jawatankuasa Kecil ini untuk menyeru kepada Kuasa yang mentadbirkan Brunei supaya mengadakan satu persidangan tiga segi antara Kuasa Pentadbir, Sultan Brunei dan wakil-wakil yang sah dari Parti Rakyat Brunei dengan maksud menyusun langkah-langkah yang saya sebutkan tadi.

Saya menyeru selanjutnya kepada Jawatankuasa Kecil ini supaya menperbarui dan meluluskan proklamasikan perisytiharan kemerdekaan Brunei yang "unilateral" oleh Parti Rakyat Brunei pada 8 Disember tahun 1962 dan memberikan sokongan moral dan material kepada Parti Rakyat Brunei dalam perjuangannya menentang penjajahan British.

Sebagai penutup, Sdr Pengurus, bagi pihak kedua-dua teman saya, Parti Rakyat Brunei dan seluruh rakyat Brunei yang cintakan kebebasan, saya menyatakan harapan kami yang sesungguhnya bahawa perbincangan Jawatankuasa Kecil ini, di bawah pimpinan Sdr yang cekap dan bijaksana, akan kelak menandakan satu zaman baru dalam sejarah perjuangan kebangsaan kami dan satu babak baru dalam perjuangan kami untuk mencapai perdamaian, keadilan dan kebebasan.

Pucuk Pimpinan PRB.



Group adalah dikorek dari Brunei.

Inilah sebab yang besar maka Brunei masih dipertahankan sebagai benteng terakhir kolonialisme di Asia Tenggara. Apa yang dilakukan oleh pihak berkuasa kolonial sekarang ialah untuk melipatgandakan penghasilan minyak mentah tiap hari, iaitu 230,000 tong tiap hari dan juga gas asli cecair untuk memenuhi keperluan-keperluan industri-industri Barat.

Brunei sekarang dijadikan sebagai sebuah pangkalan perbekalan yang kokoh dan selamat untuk, memenuhi keperluan-keperluan minyak dari setengah-setengah negara dunia yang maju.

Pendeknya, Brunei akan terus berkhidmat sebagai saluran perbekalan negara-negara industri Barat. Ia akan memainkan peranannya sebagai sebuah tanah jajahan, yang ditugaskan untuk memastikan agar supaya perbekalan bahan mentah yang paling penting di dunia untuk menyuburkan kapitalisme Barat tidak akan terputus.

Konsensi-konsensi minyak dan hak-hak mendapatkan gas asli telah diberikan kepada Shell dan Mitsubishi Group dalam tahun 1971 berdasarkan syarat-syarat yang paling lumayan dan adalah ditaksirkan bahawa dalam masa satu

membangun dalam dunia sekarang memerlukan pelaburan modal dan sanggup membayar wang faedah menurut kadar dunia, maka Brunei yang mampu memberikan pertolongan kepada sabah-sabahannya dalam negara-negara yang sedang membangun, tidak berdaya berbuat demikian semata-mata kerana ia masih berupa sebuah tanah jajahan dari kuasa penjajah dan kekayaan alamnya dirompak dan diusikan oleh kuasa tersebut.

Pelaburan wang berlebihan kami di dalam industri British yang sedang sakit itu adalah bukti yang terang sekali maka Brunei terikat kuat dengan rantai kaum modal dan penjajah.

Dalam masa krisis matawang Pound-sterling pada tahun 1967 dulu, ketika wang British diturunkan nilainya. Brunei telah menanggung kerugian 14 peratus dari nilai wang sterlingnya di Britain berjumlah US\$61 juta.

Belanja

Beberapa projek yang membazir yang tidak perlu sedang diatur atas anjuran pegawai-pegawai British tanpa penyelidikan yang teliti, untuk diluluskan dan dilaksanakan, dengan memberikan keuntungan yang besar kepada syarikat-syarikat yang berpusat di Britain.

Sebuah pelabuhan laut

dari bangunan itu, amat penuh sesak dengan pesakit-pesakit dan memerlukan alat kelengkapan moden serta kakitangan yang berkelayakan.

Tambahan pula, Brunei sendiri tidak kekurangan perwira dan pahlawan negara untuk dikenang dan diabadikan. Pahlawan kebangsaan kami, Bulkiah I, pernah memerintah seluruh pulau Borneo dan Selatan Filipina.

Dewan Peringatan Churchill hanya merupakan satu simbol penaklukan kebudayaan dan penjajahan Brunei oleh penjajah Britain.

Parti Rakyat Brunei telah memimpin perjuangan kemerdekaan rakyat Brunei semenjak tahun 1955. Sebenarnya, perjuangan itu bermula dalam tahun 1948.

Dengan lain perkataan, rakyat telah berjuang untuk kebebasan dan kemerdekaan selama 27 tahun yang lalu.

Rakyat Brunei telah memperlihatkan kesabar yang amat besar. Penjajah telah melucutkan hak kebebasan dan kemerdekaan mereka. Penjajahan British telah melucutkan hak rakyat Brunei untuk membentuk sebuah kerajaan pilihan mereka sendiri.

Kami merayu kepada hati kecil rakyat seluruh dunia, terutama mereka yang menjunjung kebebasan dan hak kemerdekaan untuk rakyat

Brunei: Tanah Jajahan 'Shell'?

Pada Januari 1979, Sultan Hassanal Bolkiah dan lord Goronwy-Roberts, Menteri British untuk Hal-Ehwal Komonwel telah menandatangani satu persetujuan di Bandar Seri Bagawan yang akan memberi kemerdekaan penuh kepada Brunei pada hujung tahun 1983.

Apakah kemerdekaan yang penuh ini akan menguntungkan rakyat Brunei? Apakah masa depan untuk negeri yang kecil tetapi kaya ini?

Nadi Insan mengemukakan beberapa artikel mengenai kedudukan ekonomi dan politik Brunei masa kini.



BRUNEI : KUWAIT ASIA TENGGARA

Ag. Ali Ibrahim (Brunei)

Brunei adalah sebuah wilayah kesultanan jajahan Inggeris di Kalimantan Utara.

Kerajaan Kesultanan Brunei ini pernah mencatat sejarah keagungannya di Nusantara ini, di mana pengaruh pemerintahannya menjalar hingga ke Pulau Luzon, Filipina di bawah pemerintahan Sultan Hassanal Bolkiah 1.

Sekarang ia hanya merupakan serpihan dari sebuah Kerajaan Melayu yang agung itu dengan keluasan, daerah 1/40 batu persegi sesudah Kerajaan Inggeris mula memerintah negeri itu sejak tahun 1888.

Hasil utama negeri itu ialah minyak. Minyak mulai didapati di Brunei dalam daerah Belait dalam tahun 1929. Sekarang ia mengeluarkan minyak lebih 60 million tong setahun dan 5 million tan gas.

Brunei belum lagi mempunyai rancangan sosio-ekonomi yang teratur, baik dalam bidang pertanian, perikanan atau perindustrian.

Brunei mengimpor 80% barang makanan, seperti beras, ikan, daging, kelapa, sayur dan pisang dari luar. Kebanyakannya dari negara jiran.

Satu-satunya projek yang dapat kita lihat di negeri itu sekarang ialah pembinaan sebuah kompleks Istana DYMM Sultan dan keluarga Baginda berharga B\$600 million dengan kawasan beratus ekar sedang rancak dibina dan dijangka siap akhir tahun 1983.

Setahun selepas ianya ditubuhkan, iaitu dalam bulan September 1957, PRB telah menghantar rombongan merdekaanya ke London untuk berunding di Colonial Office dengan Setiausaha Tanah-Tanah Jajahan Mr. Alan

Lennoz-Boyd menuntut supaya di Brunei di adakan perubahan politik, iaitu mengadakan sistem kerajaan berdemokrasi.

Rundingan itu berjalan sebanyak 3 pusingan. Dan oleh sebab sikap kerajaan Inggeris terlalu banyak meminta dari memberi, iaitu tidak bertoleransi, maka perundingan itu menemui jalur buntu.

Dua tahun kemudian, iaitu ekoran dari rombongan itu, Brunei telah diberikan perlembagaan yang dikenal sebagai Perlembagaan 1959 yang membolehkan Brunei mengadakan pilihanraya bagi memilih ahli-ahli Majlis Mesyuarat Daerah sebanyak 55 kerusi, Majlis Mesyuarat Negeri 33 kerusi (17 ditunjuk) dan Majlis Mesyuarat Kerajaan (Exco) 11 orang (6 ditunjuk).

Pilihanraya pertama diadakan di Brunei dalam bulan August 1962. PRB memenangi 54 dari 55 kerusi di peringkat daerah. Dari 55 kerusi inilah, 16 orang dipilih sebagai ahli Majlis Mesyuarat Negeri dan 5 orang dipilih sebagai ahli Majlis Kerajaan (Exco).

PRB telah memenangi 98% dari undi yang dibuang. Sungguh pun kemenangan PRB begitu, namun ianya tidak diberikan kuasa untuk membentuk kerajaan kerana perlembagaan tidak membolehkan berbuat demikian.

Kemuncak dari perjuangan diplomasi, PRB dalam tahun 1975 telah berjaya membawa masalah kemerdekaan Brunei ke United Nations General Assembly melalui UN Decolonisation Committee 24 yang meluluskan 1 Resolusi No. 3424/1975 yang dibawa oleh Malaysia dan disokong oleh 127 buah negara anggota.

Isi resolusi itu ialah: su-

paya rakyat Brunei diberikan hak untuk menentukan nasib sendiri, mengadakan pilihanraya dibawah pengawasan PBB; mencabut balik pengharaman ke atas partai-partai politik dan membolehkan anggota PRB yang berada di luar negeri balik untuk mengambil bahagian aktif dalam pilihanraya; dan mengadakan rundingan 3 segi, iaitu di antara PRB/DYMM dan kerajaan British sebagai kuasa pentadbir.

Resolusi ini dibincangkan tiga tahun berturut-turut, iaitu pada tahun 1975, 1976 dan 1977. Kebanyakan negara di dunia masih berpegang kepada resolusi tersebut kerana ianya adalah masalah hak-hak asasi manusia sejagat.

Dalam bulan Januari 1979,

satu perjanjian Persahabatan Dan Kerjasama telah ditandatangan di antara DYMM Sultan dan Kerajaan British di mana Brunei akan diberikan kemerdekaan dalam bulan Disember 1983.

Apakah isi dan bentuk kemerdekaan yang akan diberikan kepada Brunei itu nanti? Hingga hari ini rakyat dan umum masih gelap, bagaimanakah bentuk dan prosesnya kemerdekaan itu. Hingga sekarang ini, belum lagi ternampak apa-apa jua persiapan untuk menghadapi kemerdekaan yang dijanjikan oleh Inggeris itu.

Maksud persiapan di sini bukan seperti membuat gerbang-gerbang atau membentuk jawatankuasa-jawatankuasa perayaan sebagaimana yang terfikir oleh segerintir manusia di Brunei. Persiapan yang dimaksudkan dalam arti kata sebenar persiapan yang berdasarkan proses-proses demokrasi seperti penggaluan Perlembagaan dan persiapan untuk mengadakan pilihanraya umum dan sebagainya.

Minyak Brunei

Untuk Afrika Selatan

Kira-kira 70 peratus atau \$2,289 juta dari jualan minyak Brunei pada awal 1978 dihantar ke Jepun, \$360 juta ke Amerika Syarikat dan \$277 juta ke Afrika Selatan.

Afrika Selatan adalah pembeli minyak Brunei yang ketiga besarnya berikutkan pertambahan berbanding dengan \$127 juta dalam tahun 1974 dan \$185 juta dalam tahun 1975. — Bernama.

Sultan Brunei Perlukan Britain dan Gurkha

Apabila Parti Rakyat Brunei (PRB) mencapai kejayaan gemilang dalam pilihanraya yang pertama sekali pada Disember 1962, pemerintah British telah menolak keputusan rakyat.

Ini menyebabkan PRB memberontak dan mengistikarkan merdeka. Tentera revolusi rakyat seterusnya telah mengambil alih beberapa pekan di Brunei, termasuk lapangan terbang dan telaga minyak di Seria.

Berasaskan pada satu perjanjian lama, pihak British menggerahkan satu batalion askar Gurkha dari Singapura, yang berjaya menghapuskan revolusi itu dalam 2 minggu. Sejak itu, askar Gurkha telah dikenalkan hingga hari ini sebagai satu kuasa militer bagi kepentingan pihak British dan Sultan Brunei.

Meskipun Brunei mengadakan hubungan mesra dengan Malaysia dan Indonesia, Kehadiran kuasa penjajah British tidak direstui oleh kedua-dua jirannya.

Sebaliknya, Britain ingin undur dari Brunei sebab negeri itu tidak dicamag lagi oleh mana-mana pihak, maupun dari luar atau dari dalam. Anihnya, Sultan Brunei dengan dorongan ayahandanya — lebih suka hubungan nauangan kini dikekalkan.

Walaupun sebuah negeri kecil, Brunei mampu membina satu pasukan bersenjata yang

Isi Lemak Dari Minyak Untuk Shell Dan Golongan Atasan

Meskipun Brunei belum lagi merdeka, kerajaan British hanya bertanggungjawab dalam soal pertahanan dan hal ehwal luar negeri. Semua urusan lain dikendalikan oleh kerajaan Brunei yang diketuai oleh Sultan Brunei sebagai sebuah negara berpemerintahan raja.


Brunei yang dengan sendirinya mencabar kedudukan Shell yang unggul.

Sabtu telah membeli 50,000 tong minyak mentah sehari dari Shell. Minyak itu kemudiannya dijual kepada sebuah syarikat Jepun. Bagaimanakah syarikat baru ini dapat memecah monopoli Shell di Brunei?

Sabtu sebenarnya adalah satu usahasama antara Datuk Harris Salleh dari Sabah dan Putra Wazir Muda Bolkiah dari Brunei dengan nisbah bahagian saham 40:60. Mereka telah bekerjasama dalam perniagaan semenjak 1973 dalam berbagai bidang, seperti balak, perikanan dan hotelan.

Tujuan mereka kononya adalah untuk memajukan peranan anak-anak tempatan, khasnya pribumi, dalam ekonomi negara dan serantau serta mempereratkan lagi perhubungan antara Brunei dan Sabah.

Ini memang sudah selaras dengan dasar kerajaan Brunei yang ingin melihat anak-anak tempatan berkecimpung dalam perusahaan minyak. Oleh yang demikian, syarikat Shell terpaksa menjual kepada Sabtu serta membuat perjanjian jangka panjang dengannya untuk mematuhi hasrat kerajaan Brunei.



Ekonomi Brunei Menguntungkan Britain

Brunei mula dijajah oleh Britain selepas satu perjanjian "persahabatan dan perdagangan" dipaksakan ke atas sultannya pada tahun 1847.

Seterusnya, sedikit demi sedikit, wilayah di sebelah barat Brunei telah diberikan kepada Raja Brooke dan wilayahnya di sebelah timur diberikan kepada Syarikat North Borneo.

Pada 1888, Brunei dijadikan sebuah protectorate di bawah lindungan British. Pada 1906 pula, seorang Residen British dilantik dan nasihatnya wajib diterima bagi semua hal ehwal kerajaan Brunei.

Minyak! Minyak!

Brunei tidak mempunyai apa-apa sumber asli sehingga minyak di jumpai. Sejak itu, ekonominya hanya bergantung kepada hasil petrolium dan gas asli yang dikuasai oleh Syarikat Shell Brunei.

Kerajaan mempunyai 50% dari saham Shell Brunei dan 10% saham Syarikat Gas Asli Brunei. Pada keseluruhannya, sebanyak 20% dari pendapatan Shell untuk seluruh dunia diperolehi di Brunei!

Meskipun Brunei adalah sebuah negeri pertanian, minyak merupakan 80% dari pendapatannya. Royalti petrolium mendatangkan sebanyak \$4.5 billion dalam tahun 1973, dan royalti dari gas asli pada 1974 bertambah sebanyak 526% dari kadar pada tahun sebelumnya.

Matawang Brunei adalah di antara matawang yang paling kukuh sekali di dunia sebab Brunei mempunyai simpanan negara sebanyak \$27 billion pada akhir tahun 1982.

Simpanan pertukaran asing yang melebihi \$4.5 billion sedang dipegang oleh Britain. Oleh itu, apabila nilai matawang sterling diturunkan pada 1976, Brunei rugi \$350 juta.

Tiap-tiap kali nilai sterling merosot, Brunei kerugian berjuta-juta ringgit sebab kekayaannya digunakan oleh kerajaan British untuk menyokong kedudukan sterling yang lemah.

Tanah Jajahan Shell

Gelaran Brunei sebagai tanah jajahan Shell adalah tepat sekali. Walaupun keluasan Brunei hanya 2,226 batu persegi, tetapi Syarikat Shell mempunyai kawasan seluas 3,388 batu persegi jika kawasan telaga minyak di tengah laut diambil-kira. Bagaimanapun sumber minyaknya dianggap akan habis 15 tahun lagi.

Pendapatan purata adalah \$50,000 setahun, iaitu antara yang tertinggi di dunia. Gejala inflasi dicegah melalui berbagai subsidi makanan dan barang keperluan.

Umpamanya, 1 gelon petrol berharga \$2.30 sahaja. Selain itu, Brunei mempunyai perkhidmatan kebajikan yang paling menyeluruh di Asia.

Pendidikan dan perubatan adalah percuma dan kakitangan kerajaan seramai 32,000 orang boleh dapat pinjaman kereta tanpa bunga ataupun pinjaman perumahan dengan kadar faedah yang murah.

Kekayaan Brunei tidak bererti kesenangan hidup bagi semua rakyatnya. Selain dari beberapa pembangunan perhiasan, keadaan perumahan bagi penduduknya seramai 193,000 masih buruk. Umpamanya, Bandar Seri Begawan mempunyai masyarakat setinggan seramai 20,000 di muara Sungai Brunei.

Walaupun rakyat tidak dikenakan cukai pendapatan, keadaan mewah telah mengakibatkan tekanan inflasi serta kekurangan barang makanan. Angka Tunjuk Harga Pengguna bagi 1977 adalah 180 mata berbanding dengan 123 mata pada tahun 1973.

Seorang ahli Dewan Undangan berpendapat bahawa, "...meskipun Brunei sebuah negeri kaya, tetapi ini tidak bererti makanan mencukupi. Rakyat memerlukan beras dan ikan."

Apabila merdeka nanti, semua masalah akan menjadi tanggungan kerajaan Brunei. Akan tetapi, bukan saja Britain akan terlepas dari beban pertahanan dan gelarannya sebagai penjajah, malah ia akan terus mangaut untung dari sumber minyak dan simpanan wang Brunei seperti sediakala.

Singapura menyokong penuh kemerdekaan Brunei, tetapi ia lebih suka jika negeri kecil itu menjadi negara individu yang merdeka daripada menyertai sebarang negara dalam ASEAN.

Singapura menikmati hubungan "istimewa" dengan negeri jajahan British itu, dibandingkan dengan lain-lain negara di dalam ASEAN.

Rakyat Singapura telah mengantikkan rakyat Malaysia dalam sektor Kerajaan dan swasta di Brunei, daripada guru hingga pegawai teknik.

Tambang murah

Syarikat Penerbangan Singapura (SIA) juga mempunyai peraturan penerbangan khas dengan Syarikat Penerbangan Diraja Brunei (RBA) bagi bayaran tambang murah untuk penumpang yang berulang alik antara bandar Seri Begawan dengan Singapura.

Tambang murah itu juga menggalakkan pelancongan ke Sabah dan Sarawak melalui Brunei. SIA, setakat ini, telah gagal dalam usahanya mendapatkan hak mendarat di Kuching atau Kota Kinabalu.

Selain dari kerjasama ekonomi dan kebudayaan, Brunei juga mengadakan kemudahan kepada pasukan tentera Singapura bagi menjalankan latihan di wilayahnya.

Adalah difahamkan Singapura bimbang akan kehangan hubungan "istimewa" ini sebaik sahaja Brunei memperolehi kemerdekaannya dengan menyertai negara lain yang lebih besar.

"Jika ini berlaku, Singapura lebih suka Brunei terus kekal sebagai negara jajahan daripada mendapat kemerdekaan," kata satu lagi sumber. (sumber: Berita Harian, 27.6.78)

BRUNEI MERDEKA: Jajahan Singapura?

Syarikat Asing Menguasai Pasaran Ubat

merupakan 10% hingga 15% dari pasaran ubat Asean.

Pada tahun 1976, terdapat 780 buah syarikat farmasi di Asean; antaranya, 70 buah dimiliki penuh oleh orang asing atau usaha sama dengan pengusaha tempatan, 633 syarikat tempatan dan 5 yang diuruskan oleh pihak kerajaan.

Kedudukan ini menyebabkan perusahaan farmasi bergantung kepada syarikat-syarikat antarabangsa, menurut satu kejadian oleh Bangsa-Bangsa Bersatu baru-baru ini.

Kajian itu mendedahkan syarikat-syarikat ubat Eropah yang paling bergiat di negara-negara Asean. Butir-butir selanjutnya ialah: penjualan di pasaran ubat Asean pada tahun 1979 berjumlah AS\$721 juta, di mana penjualan syarikat Eropah berjumlah AS\$74 juta hingga AS\$100 juta. Ini

pah sebagai yang paling berjaya di Asean melalui anak-anak syarikat dan gabungan-gabungan di mana 16 buah dimiliki sepenuhnya. Rhone Poulen, Hoechst dan Bayer berasal dari Jerman Barat, Ciba-Greig dan Hoffman-La Roche dari Switzerland, Beecham dan Glaxco dari U.K.

Kebanyakan anak syarikat yang dimiliki sepenuhnya berpusat di Singapura di mana dasar mengurangkan pemilikan asing tidak begitu tegas. Walau pun syarikat-syarikat ini mempunyai anak-anak syarikat di Asean, mereka lebih suka mengimpor ubat-ubat yang disiapkan di Eropah. Umpamanya, 17 buah anak syarikat hanya terlibat dalam kegiatan pemasaran.

POLISARIO Menentang Maghribi



POLISARIO bertindak memburi sekitan kubu-kubu Maghribi. Pada lewat September lalu, pasukan gerila berjaya menembak jatuh sebuah kapal terbang tentera udara Maghribi buatan Perancis. Juruterbangnya telah ditawan lalu diperkenalkan kepada wartawan Algeria.

Dalam medan ketenteraan, Maghribi menempatkan askar-askarnya didalam satu kompleks kubu-kubu bersama satu sistem radar moden bagi menggepong 3 buah perkampungan utama serta kawasan sumber ekonominya.

Kawasan ini dijalankan oleh pihak berkuaasa Maghribi sebagai "jengka emas" Sahara. Pada hakikatnya semua wilayah luar dari "garisan Raja Hassan" adalah dikuasai oleh gerila-gerila Polisario.

Polisario yang bercogan-kata "Tanahair atau Mati Syahid" sedang mencuba me-

Pergerakan pembebasan Sahara Barat ataupun Polisario telah mengumumkan bahawa ia tidak akan menyerahkan tarafnya sebagai anggota pertubuhan Perpaduan Afrika (OAU) walaupun terdapat pecah-belahan yang sangat serius didalam OAU atas soalan tersebut.

Para pemimpin Polisario yang berhimpun dikawasan yang dikuasai oleh gerila-gerila Polisario telah berikrar sekali lagi akan meningkatkan perang gerila terhadap Maghribi yang menakluki Sahara Barat pada tahun 1975. Mereka juga membuat keputusan akan hadir di persidangan kemuncak OAU di Tripoli Libya pada bulan November lalu.

Satu Kongress Polisario yang dihadiri oleh 600 orang wakil-wakilnya serta rombongan-rombongan kerajaan Algeria dan Mauritania telah menerima satu manifesto politik, mengadakan beberapa perbincangan mengenai stra-


Brunei: Tiada Perubahan

Selepas Merdeka?

Brunei akan menjadi negara merdeka yang terakhir sekali di Asia dan ini adalah kerana kehendak sultannya. Beliau mendakwa kemerdekaan tidak ada faedahnya sebab keadaan yang sedia ada tidak akan berubah sedikit pun selepas merdeka.

Ini mungkin benar sebab dengan berkat sumber minyaknya, Brunei sedang menikmati kemewahan hidup di bawah pemerintahan British yang dianggap amat memuaskan bagi semua pihak.

Kedua-dua tidak akan berubah sebab Sultan Hassanal Bolkiah akan mengekalkan pemerintahan beraja atau absolute monarchy yang mungkin pernah ujud pada zaman sebelumnya.



Beliau akan memerintah seperti Shah Iran tanpa wakil rakyat yang dipilih secara demokratik. Sejak Disember 1962 beberapa bahagian Perlembagaan Brunei telah digantung dan Sultan telah merintah dengan kuasa darurat.

Pilihanraya umum tidak diamalkan lagi selepas Parti

NADI INSAN 44, Disember 1982

Masalah

Ekonomi

Thai

Gelap

Seorang bekas Timbalan Perdana Menteri Negeri Thai, Boonchu Rojanasthien meramalkan masa depan ekonomi Thai pada awal tahun 1983 sebagai gelap.

Boonchu ialah timbalan ketua Parti Tindakan Sosial, parti yang paling besar dalam kerajaan campuran Perdana Menteri Prem Tinsulanond.

It menegaskan bahawa keremosotan ekonomi 1981-82 akan berlarutan sekurang-kurangnya hingga separuh awal tahun depan. Beliau percaya bahawa kadar pertumbuhan ekonomi Thai pada tahun lalu tidak lebih dari 5.6%, manakala angka yang diberi oleh kerajaan ialah 7.2%.

Untuk menyokong hujahnya, ia mendedahkan bahawa pada tahun lalu perusahaan simen merosot 50%, motokar 20%, tekstil 30%, besi waja 50%, ekspot timah 50% dan harga timah 30%.

Soviet Gagal Di Afghanistan



Tentera Soviet dan kerajaan Afghanistan telah gagal mematahkan tulang belakang penentang Afghani pada 3 musim panas lalu. Beberapa ribu askar Soviet dan Afghani telah melancarkan serangan besar-besaran pada bulan Mei dan Jun lalu di Lembah Panjshir, 50 batu di utara Kabul.

Sebelum itu, lembah yang strategik ini — yang merupakan kawasan kediaman 80,000 orang penduduk — dilaporkan sebagai kawasan yang telah didamaikan.

Justeru, kebanyakannya askar kerajaan telah diundurkan kecuali 5 buah garisen. Namun demikian, pada awal bulan Ogos ini, laporan akhbar menunjukkan pasukan-pasukan pemberontak telah berjaya mengalahkan tiga garisen dan mengepong dua lagi.

Serangan baru, yang dibantu dengan kapal terbang pengebom dan helikopter Soviet, adalah kali kelima askar-askar kerajaan cuba menawan wilayah tersebut.

Kempen Lembah Panjshir telah dilancarkan dengan tujuan mencapai kedudukan yang kuat sebelum perbin-

cangan di Geneva, antara kerajaan Afghanistan dan Pakistan, bermula.

Persidangan itu bertujuan membincangkan kemungkinan pengunduran tentera Soviet dari Afghanistan dan pemulangan 3 juta pelarian di Pakistan dan Iran.

Kerajaan Soviet mengharapkan bahawa penenteraman Lembah Panjshir sebagai pengalan penting pergerakan penentang, yang menjadi duri dalam daging kepada Kabul, akan dapat memperkuatkan kerajaan boneka Afghanistan di persidangan Geneva.

Moscow mengatakan tenternya akan terus menduduki negara itu sehingga ia menerima jaminan antarabangsa bahawa Amerika Syarikat, China dan Pakistan tidak akan berampertangan lagi dalam hal ehwal negeri Afghanistan. Ia juga menegaskan bahawa kerajaan yang dipimpin oleh Babrak Karmal harus dikekalkan.

Pencerobohan Soviet adalah hasil dari kesilapan dasar menyelesaikan masalah-masalah sosial dan politik Afgha-

nistan oleh parti pemerintah Parti Demokrasi Rakyat (PDR) yang berpecah-belah kepada dua pihak, iaitu Paracham (Bendera) dan Khalq (Rakyat) yang saling bermusuhan bagi merebut kuasa.

Inilah sebab utama keruntuhan kerajaan dan kebangkitan golongan-golongan pemberontak yang membawa kepada campurtangan tentera Soviet secara langsung pada Disember 1979.

Moscow tidak berjaya dalam usaha menghapuskan gerila-gerila pemberontak semjak itu. Walaupun ia mempunyai senjata yang lengkap lagi moden dan kelebihan lain, Tentera Soviet hanya berjaya mempertahankan ibukota negara serta beberapa kota lain.

Tentera kerajaan Afghanistan mempunyai 100,000 orang askar pada waktu rampasan kuasa dulu, tetapi kini hanya tinggal 33,000 orang saja setelah ramai askar berpaling tahad.

Sumber utama bekalan senjata untuk pihak gerila dirampas dari askar kerajaan dan Soviet. Pihak pemberontak

menguasai kebanyakan tempat-tempat di luar bandar.

kalangan musuh dengan menawarkan ganjaran, seperti kecualian dari reformasi tanah.

Strategi Membuang Masa?

Moscow sengaja memiliki satu jalan buntu buat semestinya waktu bagi mendapatkan masa untuk menyelesaikan masalah-masalah politik penting di Afghanistan, melalui beberapa cara, termasuk mencapai perpaduan dalam PDR dan sokongan rakyat melalui langkah-langkah yang boleh memecah-belahkan lagi golongan-golongan pemberontak yang tidak bersatu, menarik sokongan dari golongan lain (misalnya, melalui kompromi dengan tuntutan-tuntutan puak Islam dan golongan tuan-tanah dalam hal reformati), membentuk rancangan-rancangan politik, sosial dan ekonomi yang lebih sesuai dengan keadaan tempatan, memperkuatkan tentera regim Kabul; dan memastikan sebuah regim anti-Soviet tidak akan wujud.

Kerajaan Kabul telah membuat beberapa janji dengan tujuan mengambil kesempatan dari keadaan pecah-belah di

Gerombolan-gerombolan pemberontak mendapat arahan dari berbagai pemimpin yang beribu pejabat di kawasan pelarian di sempadan Pakistan. Terdapat berbagai fahaman seperti pelampau agama dan golongan tuan tanah — yang hampir kesemuanya bertopeng Islam — di mana 90% masih buta huruf.

Perasaan kebangsaan, yang menetang pencerobohan dan kedudukan Soviet, telah berjaya mengurangkan beberapa punca perrusuhan yang tradisional, namun, ini masih tidak mencukupi untuk membina satu tenaga kuat yang boleh menewaskan tentera Soviet.

Dianggarkan bahawa Moscow memerlukan sekurang-kurangnya 3 kali ganda askar yang sedia ada untuk menghapuskan penentangan bersenjata. Akan tetapi, Moscow tidak bercadang menggunakan tenaga demikian di Afghanistan; walaubagaimana pun, ia tidak akan berundur dari situ juga.

telah dibatalkan dan peruntuhan kepada kerajaan negeri dipotong lebih kurang 25%. Puluhan program lain, seperti perkhidmatan tadika dan makanan untuk kanak-kanak, banyak dikurangkan.

Banyak perubahan yang berkesan telah dilakukan secara diam-diam tanpa kebenaran dari Konggres A.S. Umpamanya, kesihatan dan keselamatan di tempat kerja sekarang bergantung kepada kesukarelaan dan kerjasama majikan dan bukan kepada penguatkuasaan undang-undang.

Mengikut pengarah Pusat Dasar Belanjawan dan Polisi, Robert Greenstein, "Apa yang dicapai sehingga ini adalah hanya secebis dari acara keseluruhan yang, pada jangka masa panjang, bertujuan mengurangkan peranan kerajaan dalam bidang sosial sebanyak mungkin."

Sebenarnya, rancangan new federalism Reagan akan menyerahkan beberapa puluhan program kesihatan, pendidikan dan perkhidmatan sosial kepada kerajaan negeri, suatu usaha yang bertujuan memisahkan kerajaan pusat dari tanggungjawab sosial yang luas.

Perbelanjaan kerajaan tidak dipotong seperti dijangka kerana pertambahan dalam perbelanjaan ketenteraan yang mula mencapai AS\$1,600,000,000 untuk 5 tahun yang akan datang. Di samping itu, Reagan sedang membantu perusahaan nuklear dengan subsidi berjuta-juta dollar.

Sesungguhnya, Reagan hanya menyengkap tabir kepada satu lagi makna ungkapan sistem ekonomi bebas ataupun dunia bebas iaitu bebas dari tanggungjawab sosial.

Ronald Reagan:

Memandang

Ke Belakang



untuk anak-anak kulit putih sahaja. perubahan yang telah diikuti sejak zamannya hingga dewasa ini.

Setiap presiden Amerika Syarikat sejak itu telah setuju bahawa kerajaan pusat harus menggunakan perbelanjaan sosial dan cara-cara lain untuk menghidupkan ekonomi pada masa kemelesetan ekonomi.

Akan tetapi, Reagan, dengan perasaan bangga, mengisyiharkan bahawa ia sedang menegakkan satu dasar yang telah ditinggalkan setengah abad dulu, apabila ia menandatangi belanjawan negara pada tahun lalu.

Menurut suatu kejadian, satu kontra-revolusi sedang berlaku yang akan membawa Amerika ke keadaan 50 tahun dulu. Ideologinya ialah new federalism, iaitu sebuah kerajaan pusat yang sangat terbatas.

Umpamanya, pentadbiran Amerika sebelum Reagan terpaksa mengakui hak-hak asasi orang kulit hitam dan kaum minoriti lain seperti mengintigrasikan kanak-kanak kulit hitam dan putih dalam sekolah-sekolah biasa serta rancangan-rancangan yang memberi lebih peluang kepada kaum kulit hitam dan minoriti lain.

Akan tetapi, pemerintahan Reagan sedang menentang program-program ini dalam mahkamah sambil melucutkan bidang kuasa mahkamah persekutuan mengenai beberapa perkara hak asasi.

Seterusnya, ia telah memulihkan pengecualian cukai kepada sekolah-sekolah perkauman, iaitu sekolah-sekolah

Selain itu, ia telah mencuba, tetapi gagal melemahkan Akta Hak Undi tetapi

telah berjaya menentang Pindaan Hak Persamaan untuk kaum wanita.

Walaupun usaha melindungi alam sekitar tidak memuaskan dalam dua dekad lalu, dalam tahun pertama pentadbirannya, Reagan telah menghapuskan kebanyakan usaha perlindungan yang sedia ada.

Bantuan terhad dari Reagan telah menyebabkan pembatalan atau kelemahan beberapa puluhan rancangan perlindungan alam sekitar, kaum buruh, hak asasi, pengguna dan perbelanjaan sosials antaranya, wang untuk pemeriksaan bekalan daging dan pengecegahan buruh kanak-kanak yang ada sejak awal kurun ini.

Matlamat Reagan akan dicapai melalui potongan cukai pendapatan dan perbelanjaan sosial. Menurut seorang pakar ekonomi, Robert Lekachman, "Dasar-dasar Reagan adalah tindakan politik yang aneh dalam sejarah negara kita: suatu pengagihan pendapatan dan kekayaan dari golongan miskin kepada golongan kaya; dari kaum wanita ke kaum lelaki, dari glongan tua golongan muda, dari wilayah-wilayah mundur ke kota-kota besar, dari perkhidmatan kebajikan ke perbelanjaan untuk pertahanan."

Dalam dua tahun ia berkuasa, Reagan telah maju jauh ke arah tujuannya. Rancangan-rancangan yang berfaedah kepada golongan miskin banyak dipotong: bantuan makanan dan kebajikan am dipotong 13% pada tahun 1981, dan bidang kesihatan sebanyak 5%.

Beberapa rancangan kesihatan dan perkhidmatan sosial

Mindanao Timur Bergolak



Tentera Wanita NPA

Pada 13 April 1982, Konsul Amerika Syarikat di Cebu, Filipina, menghantarkan satu laporan sulit kepada Jabatan Negara di Washington.

Laporan itu yang bertajuk **Mindanao Timur: Masa Depan Merbahaya**, telah dipesan oleh Jabatan Negara selepas perkembangan-perkembangan yang mencemaskan pada tahun 1981. Laporan ini telah dibocorkan kepada akhbar tempatan tidak lama kemudian.

Konsul G.H. Scheinbaum dan kakitangannya mengambil 3 bulan untuk menyiasat di Mindanao Timur – di mana pergiolakan sedang bergerla.

Scheinbaum membuat kejadian yang sangat bertentangan dengan imej Ferdinand Marcos sebagai sekutu Amerika yang demokratik, lagi stabil, seperti digambarkan oleh pemerintah. Reagan dan rejim Marcos. Beliau membuat kesimpulan seperti berikut:

"Laporan ini mungkin berbunyi terlalu pesimis, tetapi keadaan sekarang tidaklah menggalakkan dan masa depan pula tidak cerah."

Sebab utama yang memburukkan kedudukan rejim

Marcos di Mindanao Timur ialah kejayaan Tentera Rakyat Baru (NPA), yang dianggotai oleh kaum tani dan dipimpin oleh Parti Komunis Filipina.

Dihampir semua wailayah yang dilawati oleh Scheinbaum, NPA telah menambahkan anggotanya sebanyak 30% pada tahun 1981 sahaja.

Kemerosotan ekonomi dan penyingiran kaum tani oleh kepentingan estet besar menyebabkan NPA menjadi popular.

Di samping itu seramai 75% penduduk Mindanao Timur bergantung kepada hasil kelapa di mana harganya telah jatuh dengan teruk sekali.

Scheinbaum menulis, Kangan profesional dan perniagaan berpendapat bahawa sebab utama sebalik kejayaan NPA adalah kemerosotan ekonomi.

"Mereka merasa ekonomi dunia tidak akan cepat sembuh, sedangkan sumber tempatan makin berkurangan. Hanya kuncu-kuncu Marcos saja yang tidak pernah mengalami kesulitan."

Kedudukan Marcos Merosot

Setelah memerintah mela-

lui kuasa tentera selama 10 tahun (1972-81), Presiden Marcos telah gagal memperbaiki keadaan ekonomi dan masyarakat Filipina. Sebagai misalan, beliau telah gagal mencegah kegiatan jenayah yang berleluasan.

Angka kerajaan menunjukkan bahawa kadar pembunuhan bertambah 10% setahun semenjak 1971. Baru-baru ini, Marcos melancarkan gerakan pembersihan di bandar Manila, di mana kira-kira 41 orang awam telah dibunuh oleh polis dalam tempoh 2 minggu.

Kekuatan tentera komunis telah berkembang 4 atau 5 kali ganda sehingga mendapat kepujian sebagai parti komunis yang paling berjaya sekali di dunia. Pemberontakan Bangsa Maro masih membawa di selatan dan tidak mungkin ditewas dengan mudahnya.

Gejala rasuah yang berleluasa tidak dapat dihapuskan oleh pemerintah tentera. Sebaliknya, musuh politik Marcos ditindas, sementara kuncu-kuncunya terus bertambah kaya.

Golongan jutawan baru termasuk seorang rakan sederjah Marcos bernama Roberto

Benedicto, yang menguasai perusahaan gula, dan Menteri Pertahanan Ponce Enrile yang membolat perusahaan kelapa.

Kemelesetan ekonomi dunia telah menggugat kemajuan Filipina. Menurut seorang usahawan, di antara 17 buah syarikat lombong yang ditubuhkan sejak 12 tahun dulu, 4 hampir gagal dan 6 lagi mengalami nasib yang sama.

Memandangkan keadaan demikian, kerajaan telah mengadakan satu tabung bantuan bernilai AS\$629 juta dari menyelamatkan dan mengambil perusahaan yang menghadapi kerumitan.

Hutang luar negeri Filipina meningkat AD\$16 bilion dan beban membayar faedahnya telah menelan semua hasil dari eksport negera.

AKibatnya, badan-badan antarabangsa enggan meminjam lagi dan Marcos terpaksa mengurangkan projek-projek pembangunannya yang memerlukan belanja sebanyak AS\$6 bilion.

tambahan penduduk sebanyak 2.5% setahun.

Angka pada tahun 1975 menunjukkan bahawa 40% keluarga yang termiskin memperolehi 14.8% daripada pendapatan negara, sedangkan 20% yang terkaya mendapat 52.9%. Gaji purata sebenar pekerja Filipina pula telah merosot tiap-tiap tahun.

Salah Guna Kuasa

"Tentera Rakyat Baru bertambah maju kerana kerajaan telah gagal menyediakan keperluan asas dalam banyak perkara. Justeru, NPA telah memenuhi kekosongan yang wujud."

Misalnya, kawasan San Vicente telah ketinggalan apabila gerila-gerila NPA mula bergerak 5 tahun dahulu. Kini, pertubuhan gerila di situ menjadi lebih penting dari kerajaan tempatan.

Laporan tersebut menunjukkan bahawa penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa oleh pihak tentera terhadap

sekumpulan askar, telah merompak dan membunuh orang-orang awam; panglima tentera itu juga diberi wang rasuah sebanyak \$1400 setiap minggu oleh satu sindiket perjudian.

Laporan Scheinbaum juga menyatakan cara-cara yang digunakan oleh regim Marcos untuk menyekat kemaraan NPA, khasnya dasar "perkampungan baru", iaitu mengumpul kaum tani di tempat baru di bawah kawalan pihak berkuasa.

Dasar ini telah dilaksanakan di San Vicente di mana sekurang-kurangnya 25,000 orang telah dipaksa berpindah. Namun, Kedutan Amerika meragui kejayaannya.

Tidak Berkesan

Meskipun, askar-askar sedang meronda kawasan-kawasan NPA yang penting, laporan itu berkata, "Kami tidak yakin apabila tentera kerajaan berundur nanti dari kawasan-kawasan ini, rakyat



Tentera Marcos dengan 'hadiah' mereka

Satu perkara lagi ialah kegagalan reformasi tanah meskipun Filipina telah mencapai pengeluaran beras yang mencukupi untuk keperluan dalam negeri. Nasib golongan nelayan, pekerja ladang kelapa dan gula telah diabaikan; ini pula telah mengakibatkan gejala kelaparan dalam sebuah negara yang cukup dengan beras.

Ekonomi Filipina telah bertumbuh dengan kadar 6.5% dalam tahun tujuh puluhan, tetapi sebarang pertumbuhan telah ditenggelami oleh para penduduk adalah salah satu faktor penting yang menyebabkan pertambahan kuasa NPA.

Laporan ini telah menyentaraikan berbagai kesan jenayah dan rasuah yang dilakukan oleh pihak tentera.

Umpamanya, kisah-kisah pembunuhan oleh anggota tentera semakin berleluasan di mana saja terdapat kawasan gerila. Seorong paderi Kristian telulu dibuang negeri selepas ia menuju seorang kolonel bertanggung jawab terhadap beberapa kes jenayah.

Sering dilaporkan bahawa dan pemimpin tempatan mampu menentang pihak NPA".

Maka, jelaslah bahawa Scheinbaum terpaksa mengaku kekuatan NPA yang berkarak umbi di kalangan orang ramai.

Ketidakstabilan politik, kepopularan NPA, kekejaman tentera, perkampungan paksa, dll. semuanya mencerminkan pengalaman perang Vietnam dalam tahun-tahun 60an.

Kesimpulan memo sulit itu ialah cadangan supaya tentera Amerika Syarikat campur tangan secara langsung dalam hal ehwal Filipina.



Gerila Tentera Rakyat Baru

Pilihanraya Di Sri Lanka

menerima 53% undi berbanding dengan 32% untuk Hector Kotobekaduwa dari Parti Kebebasan Sri Lanka (SLFP).

Apabila Jayewardene dan Parti Kebangsaan Bersatu (UNP) telah memenangi pilihan raya parliment pada tahun 1977, mereka memulai perubahan ekonomi yang berdasarkan "model Singapura."

Kawalan harga-harga barang telah dibatalkan, impot-impot dilonggarkan dan satu kawasan perdagangan bebas ditubuhkan di pinggir ibukota, Colombo.

Pelaburan asing telah menambahkan kadar pertumbuhan negara sebanyak dua kali ganda, dan projek-projek pembangunan yang besar-besaran seperti projek tenaga hidro dan pengairan telah dibayai dengan pinjaman besar.

Walaupun jumlah pengangguran mulai jatuh dan pendapatan purata kian menambah, kadar kos sara hidup melambung 40% sebelum ia

turun ke 20% dan jumlah kekurangan dalamimbangan pembayaran meningkat AS\$1 bilion!

Seperi parti-parti politik lain disayap kanan dan kiri, UNP dan SLPP adalah berakar-umbi di kalangan kaum majoriti Sinhala. Kaum Tamil yang merasa diri sebagai kaum minoriti yang tertindas dan didiskriminasikan adalah merupakan 20% penduduk Sri Lanka.

Fron Pembebasan Bersatu Tamil (TULF), salah sebuah parti politik yang terbesar, menyeru rakyat supaya memulakan pilihanraya itu.

Jayewardene dengan bijaknya mengumumkan tarikh pilihanraya 18 bulan lebih awal dari yang dijadualkan kerana golongan-golongan reformasi dan kiri masakini adalah dalam keadaan kacau-bilau. Beliau juga ingin mengadakan pilihanrayanya sebelum melancarkan kempen berjimat cermat bagi menghadapi kemelesetan ekonomi.



Jeyawardene.

CONAN, E.T. & POLTERGEIST:

Children's Films or Childish Films?

Maria Sen

So-called children's films are becoming more and more sophisticated, thanks to the "technological revolution" in special effects in the film industry. And while many of these films may be directed at children their suitability and desirability for young impressionable minds, are questionable.

One should, for instance make a distinction between films for children on the one hand and childish films on the other. The latter usually lacks characterization, social background and ideas but instead, projects fast action and innovative visual spectacle. They are at best full of mindless wonder and awe, at worst full of terror and pointless violence.

Conan the Barbarian

Conan the Barbarian is one film which, intentionally or otherwise, seems to be directed at young audiences. It is expected to draw in the crowds due to its popularization as a regular cartoon strip in a local newspaper.

Conan, taken captive as a boy, is finally freed one day. An excellent fighter, he goes from adventure to adventure and finally succeeds in killing the leader of the "snake people", thereby rescuing a princess as well as avenging his parents. It is not easy to find logic and rationale in the storyline. But as the story unfolds, it is clear that one is supposed to admire and respect Conan, "King, thief, barbarian, etc."

Being a film about 'barbarians' one is expected to excuse the violence and gore perhaps even to expect it. The scene where the 'Snake people' are shown eating human bodies is a good example. After some time, one's mind becomes numb to it all. Indeed, it is a subtle way in which people, children and adults alike, are slowly conditioned to accepting such violence and 'bloodthirstiness' as nothing extraordinary.

This film also has a dangerous racist tendency. For example, in an early episode of the film, Conan, the white hero is pitted against a black fighter, portrayed unsympathetically as mean and even more 'barbaric' than Conan. (One should realize of course that Conan's special brand of 'barbarism' is more heroic than anything else).

The chief villain in the film is also played by a coloured man. This is a very insidious way in which a racist outlook can be cultivated, especially in children.

E.T. & Poltergeist

E.T. and **Poltergeist**, on the other hand, reflect an entirely different approach. They are in fact two of the more interesting children's films. They differ sharply from Spielberg's earlier action films which revel in cynicism and gore, and present competitive, aggressive, cut throat behaviour as heroic. (For example, Spielberg's *Jaws* in 1975 and Lucas and Spielberg's 1981 *Raiders of the Lost Ark*).

These two films are truly about and for children. The camera angle is child-high in both, and the themes, plots and special effects reflect a kid's real fears and fantasies.

E.T. is raking in U.S. \$3.5 million a day, the largest draw in film history. And, to be fair, it represents the best of bourgeois, "apolitical" children's filmmaking. As such, it shows the strengths as well as the weaknesses, and contradictions of that class perspective.

E.T. tells the story of three suburban kids, who befriend and protect an extraterrestrial (**E.T.**) being accidentally left behind by his spaceship.

E.T. is a lovable, benign creature. He is wise, peaceful and adept at manipulating the environment through natural rather than technical skills.

The contrast in the first two-thirds of the film between the innocent, childlike, but clearly civilized world of **E.T.** and the kids and the menacing bands of male law enforcers and militaristic NASA personnel is vivid.

Poltergeist is an even better, more socially insightful film.

While there are lots of clever, scary special effects, there is no real cruelty, pain or torture. In fact, the film is quite funny, in a low key, satiric way. As in **E.T.**, the humour is at the expense of the sterile, plastic, junk food faden world of U.S. suburbia.

In both films, Spielberg presents a kind of post-"breakdown-of-the-family" vision of middle-class life as it affects kids. In **E.T.** the mother is separated and far from an authority figure. In **Poltergeist** the family is intact, but far more "hip" than the pre-1960s bourgeois family.

Both **E.T.** and **Poltergeist** leave the viewer up in the air politically. Both implicitly acknowledge the moral and spiritual aridity and irrespon-

sibility of the bourgeois adult world, and show a healthy, if fleeting, sympathy, for mild revolt against the status quo. (A son in "**E.T.**" wears a "No Nukes" T-shirt; a daughter in "**Poltergeist**" wears a "Question Authority" button.)

Poltergeist severely criticizes the housing developers who are so profit conscious that they unscrupulously remove the tombstones from the graveyards to make way for their housing project while leaving the graves behind.

The story, however, presents an explanation of after life and the spiritual world which somehow seems too neat and tidy, as though saying that this is how it is and there is no doubt at all to its validity, which of course is far from the truth.

By so doing, it runs into the danger of encouraging superstitious beliefs, especially in the context of traditional Malaysian society. A more loose-ended and questioning approach would have been much healthier.

Traditional Solutions

And yet, because Spielberg is so set in his own perspective, he has nowhere to go with these themes except backward, to the traditional, solutions. "Law and order," the scientific-military establishment and the bourgeois family win out in the end.

E.T. ends with a "good" NASA official sharing with Elliott his own childhood fantasies about extra-terrestrials; fantasies which, we are meant to infer, led him to his NASA work. There are good guys in uniform after all, the film says.

In **Poltergeist**, because the critique of suburbia is sharper, the final pro-family, pro-establishment message is even more heavy-handed. The parents, who have been vaguely out of control throughout, are forced by their ordeal to grow into strong, mature figures holding the family intact and secure.

If one's heart is in the right place (as Spielberg's seems to be), but one eschews political or even social solutions, there is not much else one can do with these themes.

"Happy ending, nice and tidy. It's a rule I learned in school," said Bertolt Brecht in the theme from the Three Penny Opera. And who understood better the emotional needs of bourgeois audiences (and artists) in politically unsettling times?

New Trends in American T.V. Programs

"Years of preoccupation with sex + violence will give way to a return to escapism — mainly comedy and fantasy — in the television season about to start," says U.S. News and World Report.

Sounds innocuous enough, doesn't it? The networks have turned over a new leaf. It's "good old-fashioned fun" time, as one network executive describes the new shows.

The truth, as usual with the media, is a bit different. The switch from sensationalism is motivated more by money than morality. Threatened by competition from Cable TV and Video, which carries hard and soft core pornography, from X-rated films to striptease quiz shows, the US T.V. networks have developed a new strategy.

No more the "ratings at any cost" philosophy, which produced the escalating sex and violence and the endless series cancellations and reshufflings of prime time schedules.

The bywords now are stability, continuity and "whole-

someness," through which the networks hope to build loyal series audiences.

So what, exactly, is "wholesomeness"? Well, it isn't what it implies: humanism, decency, healthy social values, for instance.

There are no programs about the boy next door fighting racism and tracking in the neighborhood school. No specials on how rank-and-file workers formed a food bank for the unemployed, either.

No. "Wholesome," in media jargon, means no overt sex and violence, period. In fact, looking over the whole package — from series to specials to made-for-TV movies — one sees a clear pattern of values and themes only superficially different from the old ones.

On the surface, the new shows are unmistakably different. Jungles replace inner city slums; royal palaces replace singles bars and bachelor pads.


But look closely and you'll

see that the new "escapism" isn't so very far away. Unequal and oppressive power relations — economic and emotional — are still the rule. And the models for these relations will come from capitalism, racism and sexism.

In fact, all that has happened is that one set of esthetic/political codes has been replaced by another. The concepts of economic and political power, social authority, and race and sex hierarchies, for example, used to be acted out largely in terms of physical violence and sexual exploitation.

Now these codes have been changed. Instead of brute force and sexual degradation, we have a more seductive, less sensational, set of plot, style and character conventions.

Those who represent power and authority now are symbolized by royalty, inherited wealth and superhuman powers. Romance and glamour are in, kick-in-the-guts cynicism and gore are out. But the message remains the same.



"But Mom, why can't we have wholesome, good ole-fashioned violence and sexism without the frills?"

**JIMATKAN WANG
NADI TERUS
INSAN KE RUMAH
ANDA**

6 bulan 1 tahun

Harga langganan \$ 3.00 \$ 5.00

BORANG LANGGANAN

Nama & Alamat _____

Jumlah bayaran No. Kiriman Wang / Pos / Cek

Sila kembalikan borang serta bayaran kepada:
INSAN, Peti Surat 26, Kajang, Selangor.